



# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI KHAMIS : 03 APRIL 2014**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**(SOALAN NO. 3, 8 HINGGA 76)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**SOALAN NO:3**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB IR. SHAHARUDDIN BIN  
ISMAIL [KANGAR]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**YB IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [ KANGAR ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan :-**

(a) apakah ciri-ciri pemilihan kawasan untuk pembinaan Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) ; dan

(b) bilakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan pembinaan projek perumahan mampu milik seperti projek perumahan rakyat 1Malaysia (PR1MA) di Perlis terutamanya di Kangar, Perlis seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri.

**JAWAPAN: YB DATO'SERI DR.SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

PR1MA adalah manifestasi hasrat kerajaan dalam menyediakan kediaman mampu milik kepada golongan berpendapatan sederhana. Pembangunan PR1MA bukan sahaja mengambilkira aspek fizikal sesebuah kawasan malahan turut menitikberatkan aspek sosial agar mewujudkan persekitaran yang serba lengkap, kondusif dan mampan.

Sebelum PR1MA dapat dibangunkan di sesebuah kawasan, pihak Perbadanan PR1MA Malaysia akan memastikan cadangan pembangunan tersebut mempunyai persekitaran yang kondusif yang lengkap dengan kemudahan dan utiliti sediaada seperti kemudahan pengangkutan, infrastruktur, sekolah dan kawasan komersil berdekatan. PR1MA juga akan melaksanakan kajian serta analisis pasaran dan permintaan untuk memastikan cadangan pembangunan tersebut *feasible* (dengan izin) di samping menganalisa tahap kemampuan (*affordability*) golongan sasaran ke atas pembangunan tersebut. Ini adalah untuk memastikan harga rumah yang ditawarkan adalah mampu dimiliki oleh golongan sasaran.

Sebagai permulaan, fokus pembangunan PR1MA tertumpu di kawasan bandar-bandar utama dan pinggir bandar dahulu. Kini PR1MA sedang berbincang dengan pihak Kerajaan Negeri dan juga pemaju swasta dalam mengenalpasti dan mempertimbangkan beberapa lokasi yang sesuai bagi pembangunan PR1MA.

YAB Perdana Menteri semasa lawatan ke Perlis telah meluluskan supaya sebanyak 10,000 unit rumah PR1MA disediakan dalam jangkamasa lima tahun. Bagi negeri Perlis, setakat ini sebanyak 900 unit rumah PR1MA telah diluluskan Anggota Perbadanan PR1MA di Padang Besar dan Mata Ayer. Kerajaan Negeri telah memberikan sokongan, kerjasama dan komitmen yang baik dalam memastikan hasrat nurani Kerajaan Persekutuan dalam menyediakan perumahan selesa, berkualiti dan mampu milik di negeri berkenaan tercapai. Semoga hubungan erat yang diberikan Kerajaan Negeri akan berterusan bagi merealisasikan matlamat PR1MA.

Secara kesimpulannya, selain daripada merancang, membangun dan membina, PR1MA turut menyenggara rumah-rumah PR1MA. Penyenggaraan ini meliputi aspek fizikal dan sosial. PR1MA juga mempunyai obligasi untuk menyenggara dan mengurus rumah PR1MA serta persekitarannya. PR1MA mempunyai hak untuk membeli semula rumah PR1MA sekiranya pemilik rumah tidak mematuhi terma dan syarat yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, PR1MA bukan sahaja pemaju malah juga *quasi-regulator*.

Sekian. Terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
[JELUTONG]**

**TARIKH JAWAPAN : 3 APRIL 2014 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN : NO. 22 8**

### SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai satu dasar rasmi mengenai '*Utility Corridor*'. Kenapa TNB dibiarkan membuat perparitan bawah tanah secara lintang pukang di banyak jalan raya dan membahayakan kerja-kerja sivil perparitan lain bagi utiliti baru seperti perkabelan rangkaian *fibre-optics*.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Secara umumnya, tiada dasar khusus mengenai *Utility Corridor*, dengan izin, yang perlu dipatuhi oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi merentang kabel di bawah tanah. Pihak TNB kebiasannya mengikut ketetapan yang telah dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk membina infrastruktur bekalan elektrik di dalam tanah rizab di sepanjang jalan raya.
  
2. Sebelum pembinaan sesuatu sistem perparitan bawah tanah, pihak TNB akan memperolehi kelulusan laluan dan permit pengorekan jalan daripada pihak berkuasa tempatan yang melibatkan butir-butir semakan laluan dan tapak seperti berikut:
  - a. Pelan *Utility Mapping* untuk mengenal-pasti pemasangan sedia ada di bawah tanah;
  - b. Pelan ukur *Right Of Way* daripada JKR untuk menentu sempadan jalan dan kedudukan laluan pemasangan baru TNB;

- c. Tatacara korekan jalan, lengkap dengan butir kedalaman dan kaedah rentangan kabel TNB;
- d. Lawatan tapak bersama dengan wakil pihak berkuasa tempatan untuk mengenal-pasti butir terperinci laluan baru; dan
- e. *Traffic Management Plan*.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

3. Secara dasarnya, kesemua laluan pemasangan TNB dirancang mengikut rezab jalan raya sedia ada. Walaubagaimana pun, lokasi sebenar laluan pemasangan TNB adalah bergantung kepada hasil kajian awal *Utility Mapping*, dengan izin dan semakan fizikal laluannya. Laluan akan dipinda untuk disesuaikan dengan pemasangan sedia ada di laluan tersebut, seperti paip air, paip pembentungan, laluan kabel telekomunikasi dan sebagainya. Kebiasaannya, apabila pembangunan di sesuatu kawasan itu menjadi semakin pesat, infrastruktur pembekalan elektrik sedia akan dilihat berada dalam keadaan tidak teratur.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG**  
**(ALOR GAJAH)**  
**TARIKH : 03.04.2014 (ISNIN)**

**DATUK KOH NAI KWONG [ ALOR GAJAH ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah sambutan rakyat terhadap usaha Kementerian dalam kempen menurunkan harga barangan.

## JAWAPAN:

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mula menganjurkan “Kempen Penurunan Harga” pada tahun 2008. Kempen Penurunan Harga (KPH) ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dengan kerjasama industri peruncitan bagi menawarkan barangan kegunaan harian, terutamanya barang keperluan pada harga yang berpatutan. Penyertaan kempen ini adalah secara sukarela dengan peratusan penurunan harga antara 10 hingga 70 peratus. Tempoh minima penurunan harga ialah selama 30 hari.

Sejak tahun 2008 hingga kini, Kementerian ini masih menerima permohonan-permohonan daripada peniaga untuk mengadakan KPH. Ini tidak secara langsung menunjukkan bahawa KPH ini masih mendapat sambutan rakyat. Kempen ini bukan sahaja dapat memberi maklumat mengenai outlet-outlet yang menawarkan harga rendah, tetapi juga dapat membantu meringankan beban perbelanjaan harian, terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Selain itu, ia juga sebagai langkah membantu mempromosi premis perniagaan yang menawarkan penurunan harga.

Sehingga 31 Januari 2014, kempen ini telah disertai oleh **156** pengusaha pasar raya tempatan dan asing dengan penglibatan sebanyak **2,895** cawangan. Berdasarkan peningkatan penyertaan peniaga dalam KPH menunjukkan bahawa program ini mendapat sambutan daripada peniaga dan rakyat.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Datuk Mohd Idris bin Jusi [ Batu Pahat ]**  
**TARIKH** : **3.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Datuk Mohd Idris bin Jusi [ Batu Pahat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah graduan universiti tempatan awam dan swasta yang keluar bagi tahun-tahun 2011, 2012 dan 2013. Berapa peratus daripada mereka yang dapat diserap oleh pasaran pekerjaan semasa. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan dijalankan oleh Kementerian bagi menangani fenomena pengangguran di kalangan graduan/siswazah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kajian pengesanan graduan (*Tracer Study*) yang dilaksanakan, jumlah keseluruhan graduan warganegara di Institut Pengajian Tinggi (IPT) bagi tahun 2011 adalah seramai 180,697 pelajar, manakala bagi tahun 2012 adalah seramai 193,705 pelajar dan bagi tahun 2013 adalah seramai 207,419 pelajar.

Peratusan graduan warganegara di IPT yang menyatakan status bekerja pada hari konvokesyen bagi tahun 2011 adalah 53.4% dari jumlah responden seramai 148,677 pelajar, bagi tahun 2012 adalah 50.7% dari jumlah responden seramai 167,781 pelajar dan bagi tahun 2013 adalah 46.4% dari jumlah responden seramai 179,174 pelajar.

Sehubungan itu, antara langkah penting yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengatasi pengangguran siswazah adalah dengan memastikan siswazah mempunyai kemahiran untuk bekerja. KPM telah mengambil inisiatif untuk menjalankan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (Graduate Employability, GE). Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE) merupakan salah satu inisiatif utama KPM untuk memenuhi keperluan modal insan yang profesional dan mahir bagi pembangunan negara. Program ini dijalankan dengan melibatkan semua pelajar IPTA, iaitu universiti, Kolej Komuniti dan Kolej Politeknik seluruh Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pelaksanaan program intervensi GE ini terdapat tiga (3) kluster utama yang telah dilaksanakan:

- a. **Structured Internship.** Antara program yang telah dilaksanakan ialah *Technical Enhancement Program Through Experiential Learning* dan *Certified Solar Panel Technician - Maintenance & Installer* (Green Tech Malaysia);
- b. **Certification (Program Pentauliahan Profesional).** Antara program yang telah dilaksanakan ialah *Certified Fiber Optic Technologist* dan *Certified Internet Protocol Engineer* (CIPE); dan
- c. **Bridging the GAP.** Antara program yang telah dilaksanakan ialah Program Bersepadu Kebolehpasaran Pekerjaan; Mengenali Peta Personaliti, Psikologi & Kemahiran Diri Siswa dan *Work Readiness Workshop*.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
(PADANG BESAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 03.04.2014**

**Y.B. DATO' ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [ PADANG BESAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah Bank Negara Malaysia menaikkan tarif premium insurans kenderaan kepada 15 peratus yang dianggap terlalu tinggi, tidak munasabah dan menyumbang kepada peningkatan inflasi negara dan seolah-olah memberikan margin keuntungan lebih tinggi kepada syarikat-syarikat insurans kenderaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, penyelarasan premium insurans motor pada 15 Februari 2014

merupakan penyelarasan kali ketiga di bawah Rangka Kerja Tarif Motor yang baharu yang diluluskan oleh pihak Kerajaan pada tahun 2011 untuk menangani isu kesulitan pihak awam untuk mendapatkan perlindungan insurans motor pada masa tersebut. Premium insurans motor pernah diselaraskan pada Januari 2012 dan Februari 2013.

2. Sebelum tahun 2012, premium insurans motor yang ditetapkan di dalam Tarif Motor tidak pernah dikaji semula sejak lebih daripada 30 tahun. Ini menyebabkan premium yang dikutip oleh penanggung insurans tidak sejajar dengan pampasan yang dibayar yang juga merangkumi peningkatan dalam kos tuntutan lanjutan kenaikan jumlah kes kemalangan, kos perubatan, kos alat ganti kenderaan dan lain-lain lagi. Pada tahun 2012, bagi setiap RM1.00 premium insurans motor yang dikutip oleh penanggung insurans, sebanyak RM2.70 telah dibayar keluar sebagai pampasan bagi kematian dan kecederaan pihak ketiga sahaja. Ini belum mengambil kira lain-lain kos yang ditanggung. Jika premium insurans ditetapkan pada tahap yang terlalu rendah, penanggung insurans tidak akan mempunyai dana yang mencukupi untuk membayar tuntutan. Berhadapan dengan keadaan sebegini, sesetengah penanggung insurans mengambil keputusan untuk lebih berhati-hati dalam menawarkan polisi Pihak Ketiga. Secara tidak langsung, ia menyebabkan kesulitan kepada orang awam untuk mendapatkan perlindungan insurans motor. Untuk menangani isu ini, Rangka Kerja Tarif Motor yang baharu telah diperkenalkan bertujuan untuk:

i. Melaraskan kadar premium pada jumlah yang kecil dan secara berperingkat selama empat tahun

dari tahun 2012 sehingga 2015; dan

ii. Memperkenalkan beberapa inisiatif untuk mempercepatkan proses tuntutan insurans motor dan mengekang peningkatan dalam kos tuntutan.

3. Sebagai contoh, bagi perlindungan pihak ketiga, seseorang pemilik motosikal 110cc dikenakan premium tambahan yang sangat kecil di antara RM1.00 dan RM3.50 setahun (maksimum 30 sen sebulan). Bagi pemilik kenderaan persendirian 1400cc, premium tambahan adalah di antara RM6 hingga RM34 setahun (maksimum RM2.80 sebulan).

4. Bagi mereka yang menghadapi sebarang masalah atau pertanyaan berhubung dengan insurans motor boleh menghubungi Bank Negara Malaysia untuk tindakan lanjut seperti yang berikut:

Alamat : Pusat Hubungan Bersepadu

Bank Negara Malaysia

Tingkat 14, Blok B

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

No. telefon : 1-300-88-5465

Emel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA [ BATU ]**

**TARIKH : KHAMIS, 3 APRIL 2014**

**RUJUKAN : L11 [PR-1321-L60782]**

**SOALAN :**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk membaik pulih jalan raya di sekitar Kuala Lumpur khususnya di kawasan Batu. Berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk tujuan pembaik pulih jalan raya di Kawasan Batu antara 2009 hingga 2013.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu, kekerapan kerja-kerja penurapan semula jalan-jalan di sekitar Kuala Lumpur dibahagikan kepada tempoh kerja penurapan jalan bagi kawasan perumahan dilaksanakan di antara tujuh (7) hingga sepuluh (10) tahun, manakala tempoh penurapan semula jalan-jalan utama dan jalan-jalan lain adalah di antara tiga (3) hingga lima (5) tahun.

Di samping itu juga, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melaksanakan **kerja-kerja penurapan dan pembaikan jalan** bagi jalan-jalan yang didapati rosak.

Jumlah kos membaik pulih jalan-jalan di kawasan Parlimen Batu antara **tahun 2009 hingga 2013** adalah sebanyak **RM19.6juta** dan pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:-

<b>TAHUN</b>	<b>PERBELANJAAN (RM)</b>
2009	1,952,811.17
2010	75,430.07
2011	1,979,963.50
2012	3,530,749.30
2013	12,037,907.30

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah**  
**[ Limbang ]**  
**TARIKH** : **3.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dapatkah Kementerian mempercepatkan pelaksanaan untuk mengganti dan menaik taraf SMK Limbang yang sudah daif dan mempunyai penuntut melebihi seribu orang murid.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius akan keperluan pembinaan semula sekolah daif bagi memastikan semua rakyat Malaysia mendapat kemudahan pendidikan yang sewajarnya. Sehubungan itu, kementerian telahpun mengemukakan permohonan peruntukan untuk projek mengganti dan menaik taraf SMK Limbang dalam *Rolling Plan* Keempat bagi pelaksanaan tahun 2015 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY**  
**[ BACHOK ]**  
**TARIKH : 3 APRIL 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [ Bachok ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pengamal perubatan tradisional dan Islam. Apakah usaha pengiktirafan yang telah dibuat terhadap pengamal perubatan tradisional dan Islam ini. Apakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Institut bagi Perubatan Tradisional dan Islam.

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengenal pasti enam (6) bidang amalan utama di bawah perubatan tradisional dan komplementari iaitu perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional India, perubatan tradisional Cina, pengubatan Islam, homeopati dan terapi komplementari. Sehingga 26 Februari 2014, terdapat 1,749 pengamal perubatan tradisional Melayu, 8,079 pengamal perubatan tradisional Cina, 49 pengamal perubatan tradisional India dan seramai 448 pengamal pengubatan Islam yang telah berdaftar secara sukarela dengan Kementerian Kesihatan.

Pada ketika ini, pihak Kementerian tidak mengeluarkan sebarang bentuk pengiktirafan kepada para pengamal perubatan tradisional dan komplementari di Malaysia. Namun, apabila Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2013 dikuatkuasakan kelak dan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari ditubuhkan, semua pengamal perubatan tradisional dan komplementari perlu berdaftar dengan Majlis dan kelayakan serta pengalaman pengamal akan dinilai. Justeru, pada ketika itu, para pengamal dapat dinilai dan diberi pengiktirafan yang sewajarnya berdasarkan kelayakan dan pengalaman mereka.

### **Tuan Yang Dipertua,**

Pihak Kementerian sentiasa bekerjasama dari semasa ke semasa dengan para pengamal perubatan tradisional dan komplementari terutama dalam membangunkan standard, kurikulum, garis panduan amalan, mengadakan persidangan, seminar dan pelbagai lagi aktiviti lain yang melibatkan pengamal. Pada ketika ini, Kementerian Kesihatan telah bekerjasama dengan Agensi Kelayakan Malaysia atau MQA untuk membangunkan sebanyak 13 standard dan kurikulum pada peringkat diploma dan ijazah dalam bidang perubatan tradisional dan komplementari. Ini termasuk standard dan kurikulum bagi Diploma Pengubatan Islam yang kini sedang ditawarkan oleh *Cyberjaya University College of Medical Sciences*. Selain itu, dalam bidang perubatan tradisional Melayu pula, Kementerian Kesihatan turut terlibat dalam pembangunan standard diploma urut Melayu dan ijazah perubatan Melayu. Seramai 22 orang pengamal perubatan tradisional Melayu telah berjaya mengikuti kursus Diploma Lanjutan dalam urut Melayu yang telah ditawarkan di Politeknik Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam.

**Tuan Yang Dipertua,**

Pihak Kementerian amat menggalakkan pertumbuhan institusi-institusi pengajian yang menawarkan kursus yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pembangunan Kemahiran dalam bidang perubatan tradisional dan komplementari terutama dalam bidang perubatan tradisional Melayu dan pengubatan Islam. Justeru, dengan adanya kursus pengajian yang formal dan berstruktur dalam kedua-dua bidang amalan ini, akan dapat meningkatkan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan yang disediakan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ]**  
**TARIKH** : **3.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Sistem 1BestariNet menyediakan aplikasi untuk mengakses 300 buku teks versi digital:-

- (a) apakah kekangan yang ada untuk memastikan pelajar luar bandar tidak ketinggalan dengan sistem yang diperkenalkan; dan
- (b) berapakah jumlah kos yang ditanggung Kementerian dalam memastikan setiap pelajar bandar dan luar bandar menikmati sistem ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pemasangan capaian 1BestariNet telah dilaksanakan untuk semua sekolah di kawasan bandar dan luar bandar. Pelaksanaan ini akan memberi akses yang sama rata kepada semua sekolah apabila mendapat akses kepada platform persekitaran pembelajaran maya (VLE) yang sama.

Murid tanpa mengira lokasi sama ada di kawasan bandar ataupun luar bandar akan memperoleh akses kepada laman bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) digital yang melibatkan PdP interaktif secara maya

serta berpeluang untuk menjalankan kolaborasi serta perkongsian menerusi Platform Pembelajaran VLE 1BestariNet berasaskan perkomputeran awan (*cloud computing*). Ini akan mengurangkan jurang pencapaian serta jurang digital antara murid bandar dan luar bandar. Pengukuran yang diguna pakai adalah menggunakan aplikasi Virtual Learning Environment (VLE) dan pemantauan akses ke VLE dibuat secara atas talian.

- (b) Nilai kontrak yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi kos Projek Perkhidmatan 1BestariNet ialah sebanyak RM663 juta bagi tempoh kontrak selama dua (2) tahun enam (6) bulan mulai dari Januari 2012.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN  
(BUKIT KATIL)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 03.04.2014**

**Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [ BUKIT KATIL ]** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan :-

- (a) anggaran jumlah wang yang dapat dijimatkan melalui sebelas langkah pengurangan perbelanjaan sektor awam yang bermula 1 Januari 2014; dan
- (b) sama ada Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula keutamaan perbelanjaan (spending priority) dengan mengurang atau menghapuskan perbelanjaan program-program yang tidak berkesan seperti PLKN.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah membuat unjuran penjimatan sebanyak RM400 juta bagi tahun 2014 melalui langkah-langkah yang disenaraikan dibawah Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2014 - Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam (Sebelas Langkah Penjimatan).

Kerajaan sentiasa menilai semula pelaksanaan program-program berdasarkan keperluan semasa mengikut keutamaan program dan keutamaan perbelanjaan serta bagi memastikan keberkesanannya yang dapat memberi manfaat kepada rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU**  
**MANSUR (SILAM)**  
**TARIKH** : **03.04.2014 (KHAMIS)**  
**NO. SOALAN** : **17**

minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bermula dari tahun 2003 hingga 2013 berapa ramaikah golongan siswazah yang telah menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan mendapat bantuan skim pinjaman siswazah daripada agensi Kerajaan seperti TEKUN, MARA, SME Bank. Daripada jumlah ini berapa ramaikah antara mereka yang berjaya dalam bidang perniagaan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Secara keseluruhannya, mulai tahun 2003 hingga tahun 2013, seramai 7,447 orang siswazah telah mendapat bantuan daripada dana yang disediakan oleh tiga (3) agensi Kerajaan iaitu TEKUN, MARA dan SME Bank. Bantuan yang diluluskan kepada mereka adalah berbentuk pinjaman mudah khusus bagi siswazah bagi memula dan mengembangkan lagi perniagaan mereka.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui agensinya iaitu SME Bank sejak penubuhannya pada Oktober 2005,

telah menawarkan program khusus untuk golongan siswazah menceburkan diri dalam bidang perniagaan di bawah Skim Usahawan Siswazah (SUS). Skim ini bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai siswazah lepasan pusat pengajian tinggi menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan seterusnya menjadikan perniagaan sebagai kerjaya mereka. Skim ini terbuka kepada pemegang Diploma/Ijazah daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta yang telah menamatkan pengajian tidak melebihi 15 tahun dan berumur tidak melebihi 40 tahun semasa permohonan dibuat. Dari tahun 2005 hingga Januari 2014, hampir RM120 juta pembiayaan secara pinjaman mudah telah diluluskan di bawah skim ini dan sebanyak hampir 900 usahawan siswazah telah menerima faedah daripadanya. Pada masa ini, sekitar 96% perniagaan milik usahawan siswazah ini beroperasi dengan baik dan berupaya membayar balik pinjaman mereka mengikut jadual yang ditetapkan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi meningkatkan lagi bilangan siswazah menyertai program ini, TEKUN Nasional juga turut membantu usahawan baharu yang ingin memulakan perniagaan dan juga usahawan sedia ada yang merancang untuk meningkatkan perniagaan melalui pinjaman modal secara *micro credit* yang disediakan.

Bagi membantu golongan siswazah, TEKUN Nasional telah mewujudkan satu program khusus iaitu Program Pembangunan Usahawan Siswazah (PPUS) bagi membantu golongan siswazah menceburi bidang keusahawanan.

TEKUN Nasional telah menjalin usahasama dengan beberapa Institut Pengajian Tinggi bagi menyebarkan maklumat mengenai kemudahan pinjaman TEKUN serta peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi oleh siswazah. Program ini juga menyediakan latihan keusahawanan bagi membimbing mereka yang telah diluluskan pinjaman untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam menjalankan perniagaan. Melalui bimbingan yang diberikan, secara tidak langsung perniagaan yang dijalankan oleh mereka akan lebih bersistematik dan dapat menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi.

Sehingga Februari 2014, TEKUN Nasional telah menyalurkan pinjaman berjumlah RM905,000 melibatkan 43 siswazah di seluruh negara termasuklah di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi Majlis Amanah Rakyat (MARA), sehingga kini seramai 6,504 orang siswazah yang terdiri daripada 2,441 pemegang ijazah dan 4,063 pemegang diploma telah diluluskan pinjaman bagi memulakan dan meningkatkan perniagaan mereka dalam sektor-sektor yang digalakkan oleh Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]**  
**TARIKH : 3 APRIL 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai syarikat-syarikat yang membekalkan peralatan perubatan di Hospital Umum Kuching Sarawak serta peralatan yang mereka bekalkan. Senaraikan jumlah pembelian daripada syarikat yang disenaraikan dari tahun 2000 sehingga sekarang.

**Tuan Yang DiPertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa sentiasa melaksanakan perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan samada melalui tender terbuka, sebutharga dan lain-lain kaedah perolehan bagi meningkatkan perkhidmatan perubatan kepada pesakit di hospital kerajaan termasuk Hospital Umum Sarawak (HUS).

Untuk makluman, semua perolehan sama ada secara belian terus, sebut harga atau tender yang dilaksanakan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri ataupun hospital adalah dilaksanakan mengikut tatacara perolehan kerajaan sebagaimana yang telah ditetapkan melalui pekeliling-pekeliling perbendaharaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

Negeri Sabah dan Sarawak mempunyai Lembaga Perolehan Persekutuan peringkat negeri masing-masing dengan had nilai perolehan tidak melebihi RM30 juta bagi tender-tender kerja, bekalan atau perkhidmatan. Semua perolehan adalah dilaksanakan dengan memberi keutamaan kepada pembuat atau pembekal tempatan seperti dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 tahun 2009.

Sehingga tahun 2013, HUS telah membuat perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan sebanyak RM40 juta yang melibatkan 310 peralatan yang dibekalkan oleh 106 syarikat. Kesemua perolehan ini adalah berdasarkan kepada keperluan HUS bagi perkhidmatan kepada pesakit di hospital berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR [ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Tuan V. Sivakumar [ Batu Gajah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan dan jumlah biasiswa JPA untuk melanjutkan pelajaran di luar negara yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar kaum India pada tahun 2008, 2009, 2010, 2011, 2012 dan 2013 berbanding dengan jumlah keseluruhan biasiswa yang diberikan pada tempoh yang sama.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar kaum India yang telah ditawarkan biasiswa JPA untuk melanjutkan pelajaran di luar negara *dari tahun 2008 hingga 2013 adalah seramai 685 orang (8.6%) berbanding 7,950 jumlah biasiswa yang ditawarkan dalam tempoh yang sama.*

**NO. SOALAN: 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6700**

**SOALAN:**

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal pinjaman yang dibuat oleh peminjam yang tidak berlesen atau '*ah long*'. Berapakah jumlah pinjaman yang dibuat oleh pihak ini dalam tempoh 5 tahun yang lalu.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak Kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk mengawal pinjaman yang dibuat oleh peminjam yang tidak berlesen atau 'ah long' adalah seperti berikut:**

- i. Mengambil pendekatan '*hit their pockets*' melalui tindakan di bawah seksyen 4(1) AMLATFA 2001;**
- ii. Memberikan bantuan keselamatan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam operasi menurunkan poster / iklan along;**
- iii. Menghadiri wawancara dengan media massa (TV9, Astro Awani, Al-Jazeera dan RTM) untuk menerangkan dan memberi kesedaran kepada orang ramai berkaitan dengan ancaman dan bahaya along;**
- iv. Ceramah dan seminar bersama lain-lain agensi dan pertubuhan bukan Kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dan Persatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur (PKP);**
- v. Menyebarkan '*brochures*' dan poster-poster kepada orang ramai bagi memberi maklumat kepada orang ramai cara-cara**

mengenali antara pemberi pinjam wang berlesen dengan along serta senarai agensi yang menawarkan perkhidmatan pinjaman secara mikro antaranya Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tekun Nasional, Bank Rakyat, Bank Simpanan Nasional dan Agro Bank; dan

- vi. PDRM bekerjasama dan berganding bahu dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam elemen penguatkuasaan, pencegahan dan kempen-kempen memerangi kegiatan along. Dalam menjayakan kerjasama ini juga, PDRM turut menempatkan beberapa orang pegawai kanan di Kementerian berkenaan.

Pihak PDRM tidak mempunyai statistik berkaitan jumlah pinjaman yang dibuat oleh pihak peminjam kepada Ah Long ini bagi tempoh 5 tahun kebelakangan ini memandangkan pinjaman yang dibuat tidak mempunyai dokumen dan dibuat secara terus antara peminjam dan Ah Long berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD NAZLAN B. IDRIS**  
**[JERANTUT ]**  
**TARIKH : 3 APRIL 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan bilangan doktor-doktor di hospital Kerajaan di bandar-bandar kecil seperti di Jerantut sentiasa mencukupi.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada masa ini, Hospital Jerantut dengan kapasiti 77 buah katil mempunyai 11 orang Pegawai Perubatan dan dibantu oleh 94 orang Jururawat dan 21 orang Penolong Pegawai Perubatan serta Pakar Perubatan Pelawat dari Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh. Pada tahun 2013, purata kedatangan pesakit ke Klinik Pakar ialah 7,524 orang sebulan manakala kadar penggunaan katil atau *Bed Occupancy Rate* ialah 56.79%. Buat masa ini, bilangan Pegawai Perubatan adalah memadai bagi beban tugas yang sedia ada. Seajar dengan pertambahan beban tugas serta

perkembangan perkhidmatan kepakaran, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memohon jawatan tambahan dari Agensi Pusat.

Antara langkah-langkah lain yang telah diambil oleh KKM bagi memastikan bilangan Pegawai Perubatan adalah mencukupi di hospital-hospital KKM adalah seperti berikut :

- i. Pertambahan institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan pengajian dalam bidang perubatan. Dianggarkan jumlah graduan akan terus bertambah dari tahun ke tahun. Sejak tahun 2001, graduan perubatan yang menjalankan latihan siswazah secara purata adalah 1,020 orang berbanding sekitar 700-800 orang pada tahun-tahun sebelumnya. Manakala, sehingga pada tahun 2013, seramai 4,991 orang graduan perubatan telah dilantik untuk menjalani latihan siswazah. Selepas menamatkan latihan siswazah, pegawai perubatan ini akan ditempatkan di fasiliti KKM di seluruh negara termasuk di Hospital Jerantut;
- ii. Pengambilan Pegawai Perubatan Pakar warganegara asing secara kontrak;
- iii. Pelantikan semula Pegawai Perubatan Pakar Kementerian KKM yang telah bersara secara kontrak; dan
- iv. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sessional.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]**  
**TARIKH : 3.4.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status inisiatif Kajian Semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) pada masa kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dilaksanakan sebagai menyokong dasar transformasi semasa negara serta diharap dapat menjelmakan perkara-perkara baharu dalam melonjakkan pengajian tinggi negara. Ia juga sebagai salah satu usaha berterusan Kerajaan dalam meningkatkan kualiti pendidikan agar rakyat dapat menikmati pendidikan yang sempurna selari dengan kehendak masyarakat, industri dan global. Selain dari itu, menerusi kajian ini juga dapat **diketahui impak yang telah diperoleh hasil pelaksanaan PSPTN yang bermula pada tahun 2007 lalu**. Kajian Semula PSPTN ini yang dilaksanakan oleh 15 penyelidik tempatan terdiri daripada institusi pendidikan tinggi awam ( IPTA), institut pendidikan tinggi swasta ( IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti serta disokong oleh 10 Panel Penilai telah mula dilaksanakan mulai Mac 2013.

Pasukan Penyelidik juga telah melaksanakan **Program Tinjauan Aspirasi Masyarakat** pada **Oktober sehingga Disember 2013** yang lalu. Tujuan Program ini adalah untuk mengumpul pandangan, komen, kritikan dan suara hati rakyat berkaitan pengajian tinggi negara yang disediakan oleh Kerajaan dan pihak swasta. Aktiviti ini telah diadakan di semua negeri di Semenanjung, Sabah (Tawau, Sandakan dan Kota Kinabalu) dan Sarawak (Miri, Bintulu dan Kuching). Sebanyak 2,300 orang telah menghadiri semua sesi *townhall* (untuk masyarakat umum) dan sesi kumpulan fokus (untuk warga prihatin, pemegang taruh dan warga bermaklumat).

Dari bulan **Januari sehingga Mac 2014**, Pasukan Penyelidik telah dan akan melaksanakan tugas-tugas berikut:-

- (a) **Pertemuan bersama Parti-Parti Politik** bagi mendapatkan input untuk diambil kira semasa kajian semula ini di laksanakan.
- (b) Pertemuan dengan **Majlis Profesor Negara (MPN) dan Naib Canselor IPTA/IPTS**.
- (c) Bengkel bersama pakar-pakar bidang pengajian tinggi daripada ***International Association of Universities (IAU)***.

Pasukan penyelidik sedang dalam proses akhir untuk menyediakan **Laporan Akhir Perancangan Strategik Pengajian Tinggi Negara**.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
[ MACHANG ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**YB. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-

- a) sejauh manakah kempen "*Malaysia Truly Asia*" mampu mengetengahkan kepelbagaian untuk menggerakkan industri pelancongan negara dan produk – produk pelancongan bersempena Tahun Melawat Malaysia 2014; dan
- b) berapakah anggaran pelancong yang melawat Malaysia dan anggaran pendapatan negara daripada sektor pelancongan.

**JAWAPAN :      DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

a) Jenama "Malaysia Truly Asia" telah dilancarkan sejak 15 tahun iaitu pada tahun 1999 bagi mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terpilih di seluruh dunia. Kejayaan kempen ini di bawah "Malaysia Truly Asia" dapat diperlihatkan dengan lebih daripada 30 anugerah yang diterima di peringkat antarabangsa. Di antara anugerah utama yang diterima oleh Tourism Malaysia adalah seperti berikut:

1) **ASIA MARKETING EFFECTIVENESS AWARDS :**

*"Malaysia Truly Asia" – silver, pada tahun 2006*

2) **HSMAI ANDRIAN AWARDS :**

*"Malaysia Truly Asia" campaign (Tv & Print)*

*– 1 silver, 1 bronze, pada tahun 2007*

3) **PATA GOLD AWARD**, pada tahun 2007 :

- Three gold awards for the "Malaysia Truly Asia" International Campaign (Marketing Media Category)*
- Marketing Media – Broadcast Media "Malaysia Truly Asia" Tv Commercial*
- Marketing Media – Print Media "Malaysia Truly Asia" Media Campaign*

- 4) **ASIAN MARKETING EFFECTIVENESS (AME) AWARDS, HONGKONG**
  - *Gold Award - Best Sustained Success (Malaysia Truly Asia) pada tahun 2009*
  
- 5) **Life Style Newspaper Award, China**
  - *The Most Popular Tourism Destination, pada tahun 2011*
  
- 6) **World Travel Awards 2011**
  - *Asia's Leading Tourist Destination*
  - *Asia's City Destination (Kuala Lumpur)*
  
- 7) **9<sup>th</sup> Most Visited Country In The World – UNWTO, pada tahun 2012**
  
- 8) **2<sup>nd</sup> Best Shopping Destination In Asia Pacific - Globe Shopper Index, pada tahun 2012**
  
- 9) **4<sup>th</sup> Best Shopping City In the World – CNN, pada tahun 2012**
  
- 10) **Malaysia in Lonely Planet's Top 10 Countries List for Best Travel, pada tahun 2014**

Kejayaan kempen ini boleh juga diukur dari segi pertambahan ketibaan pelancong yang diterima setiap tahun. Jumlah ketibaan pelancong pada tahun 2013 adalah seramai 25.72 juta orang pelancong dengan pendapatan pelancongan sebanyak RM 65.44 billion. Ini merupakan pertambahan ketibaan pelancong sebanyak 2.8 % berbanding dengan

tahun 2012 yang menerima seramai 25.03 juta orang pelancong. Pertambahan ini jika dibandingkan pada tahun 1999 dengan ketibaan seramai 7.93 juta orang pelancong di mana kempen “Malaysia Truly Asia” dilancarkan adalah dengan sendirinya membuktikan kejayaan jenama “Malaysia Truly Asia” untuk terus digunakan bagi mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2014 dan menaikkan nama Malaysia di mata dunia.

Jenama “Malaysia Truly Asia” juga dapat menonjolkan Malaysia sebagai sebuah destinasi yang menawarkan kepelbagaian warisan bangsa, budaya, dan tarikan produk-produk pelancongan yang menarik. Produk – produk yang diketengahkan untuk dipromosikan kepada dunia termasuklah keindahan alam semula jadi, pulau tropika, taman negara, kemodenan Bandaraya, kepelbagaian acara pelancongan dan kebudayaan, acara – acara kesukanan yang bertaraf antarabangsa serta acara hiburan yang pasti dapat menarik pelancong untuk terus mengunjungi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

- b) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah menetapkan sasaran ketibaan seramai **28** juta orang pelancong asing ke Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 dengan pendapatan pelancongan sebanyak **RM 76 bilion** .

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN  
[ TANJONG MALIM ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 24**

**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ TanjongMalim ]** minta**MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah masalah teknikal landasan Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh dapat diatasi supaya pesawat yang lebih besar dapat mendarat bagi menjana pembangunan ekonomi di negeri Perak.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menjawab soalan bagi Tanjong Malim dan Ipoh Timur pada 9 April 2014.

Buat masa ini, pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah melantik Juru Perunding iaitu Tetuan Terrain Resources Sdn. Bhd. untuk membuat kajian bagi mengatasi masalah teknikal di landasan Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh. Kajian telah bermula pada 2 Januari 2014 dan akan mengambil masa empat (4) bulan untuk disiapkan. Laporan Awalan Kajian mendapati landasan masih boleh digunakan tetapi terhad kepada kapal udara kod 3C seperti ATR-72.

Penentu sama ada kapal udara yang lebih besar boleh mendarat bergantung kepada laporan penuh hasil kajian tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL  
ANUAR BIN WAN AHMAD  
[ KUALA KANGSAR ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD [ KUALA KANGSAR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan dan SPR bagi menghalang Ahli Parlimen dan ADUN meletak jawatan tanpa sebab munasabah. Apakah cadangan-cadangan hukuman ke atas kes-kes seperti ini contohnya dengan meminda Akta Pilihan Raya sekiranya perkara ini masih dibenarkan.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR melaksanakan fungsi-fungsinya berlandaskan kepada kerangka undang-undang negara yang sedang berkuat kuasa sekarang seperti berikut;

- (a) Perlembagaan Persekutuan (Perkara 113-120);
- (b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);
- (c) Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19);
- (d) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981;
- (e) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002; dan
- (f) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

Berhubung cadangan Yang Berhormat agar Kerajaan membuat pindaan undang-undang bagi mengenakan tindakan terhadap mana-mana wakil rakyat yang meletakkan jawatan tanpa sebab munasabah, Perlembagaan Persekutuan di bawah Fasal (6) Perkara 48 telah menyatakan bahawa seseorang yang meletakkan jawatan akan hilang

kelayakan untuk bertanding selama lima tahun bermula dari tarikh perlepasan jawatannya berkuat kuasa.

Peletakan jawatan yang dimaksudkan adalah peletakan jawatan sebagai Ahli Dewan Rakyat berdasarkan kepada Perkara 51 Perlembagaan Persekutuan dan sebagai Ahli Dewan Negeri berdasarkan kepada Undang-undang Tubuh Negeri. Oleh itu Akta Pilihan Raya 1958 tidak boleh melarang seseorang ahli dewan meletak jawatan atas kemahuannya sendiri kerana ini akan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri, Oleh yang demikian, Kerajaan merasakan undang-undang sedia ada masih sesuai untuk diteruskan bagi menghalang Ahli Parlimen serta Ahli Dewan Undangan Negeri daripada meletakkan jawatan tanpa sebab munasabah.

Sekian. Terima kasih.

**NO. SOALAN: 26**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[SUNGAI SIPUT]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan lelaki Melayu yang bermastautin di kawasan luar bandar dengan memberi pecahan umur (21-30 tahun, 31-40 tahun, dan seterusnya) dengan punca utama pendapatan mereka (kakitangan kerajaan, pekerja ladang, petani, nelayan, pekerja kilang, perniagaan, dsb) untuk tiap kategori umur.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010, bilangan lelaki Melayu dalam kategori bekerja berumur 21 – 64 tahun yang bermastautin di kawasan luar bandar adalah **954,126 orang**. Pecahannya mengikut kumpulan umur mencatatkan **21-30** tahun seramai **284,441** orang (29.8%), **31-40** tahun **225,527** orang (23.6%), **41-50** tahun **232,408** orang (24.4%), **51-60** tahun **171,026** orang (17.9%) dan selebihnya **61-64** tahun **40,724** orang (4.3%). Pecahan mengikut taraf pekerjaan mereka didapati majoritinya adalah **bekerja sendiri** 337,012 orang (35.3%), **pekerja swasta** 331,239 orang (34.7%) dan **penjawat awam** 166,746 orang (17.5%).

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Datuk Johari bin Abdul  
Ghani [ TITIWANGSA ]**

**TARIKH : 03.04.2014 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 27**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan apakah status pusat perniagaan  
MARA di Kampung Dato' Keramat yang telah dibina  
sekian lama, namun masih tidak mendapat sambutan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Pusat perniagaan MARA atau lebih dikenali dengan Arked MARA di Kampung Dato' Keramat itu merupakan salah satu dari 111 Arked MARA yang terdapat di seluruh negara. Seiring dengan objektif MARA dalam membangun usahawan berjaya dan inovatif, MARA telah melantik sebuah syarikat Bumiputera untuk menjadi '*Master Tenant*' kepada arked tersebut. Selama tempoh kontrak, arked tersebut adalah di bawah pengurusan syarikat swasta. Setelah tamat tempoh kontrak syarikat berkenaan, MARA mengambil keputusan untuk membuat transformasi kepada arked tersebut dan menjadikannya sebagai pusat pembelajaran dan perniagaan yang diuruskan oleh Universiti Kuala Lumpur.

MARA sentiasa berusaha untuk memperkasakan kegiatan perniagaan dan ekonomi di premis MARA. Dengan menjadikan pusat tersebut sebagai pusat pembelajaran dan perniagaan (*EduBiz Park*), ianya akan lebih mencapai objektif kepada usaha-usaha pembangunan kepada usahawan yang berpotensi untuk

memulakan perniagaan mahupun mengembangkan perniagaan mereka dalam suasana yang terkawal. Pada ketika ini kerja-kerja pembaikan sedang dilaksanakan sebelum diserahkan pengurusannya kepada pihak Universiti Kuala Lumpur.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
(2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM  
[ KUBANG PASU ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [ Kubang Pasu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang status penyebaran ajaran syiah di negara ini :-

- (a) sila berikan angka/bilangan mereka yang terlibat sejak dikesan sehingga kini dan berapa bilangan yang telah ditangkap dan didakwa; dan
- (b) apakah usaha Kerajaan untuk membendung ajaran ini daripada merebak.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Warganegara Malaysia di negara ini yang terlibat dengan fahaman Syiah adalah dianggarkan seramai 1,500 orang. Seramai 141 orang daripadanya telah mengemukakan Surat Akuan Bersumpah yang mengandungi perakuan sebagai penganut Mazhab Imamiyah Ja'fari.

Tindakan yang diambil oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) berhubung isu Syiah adalah seperti yang berikut:

<b>TINDAKAN</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>NEGERI</b>
(i) Tangkapan	125	Selangor
	17	Johor
	6	Perak
	1	Pahang
(ii) Pendakwaan	5	Perak
	2	Selangor
	1	Pahang

- (b) Bagi membendung fahaman Syiah daripada terus menular dan mempengaruhi umat Islam di negara ini, Kerajaan melalui Jabatan

Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah dan sedang mengambil langkah-langkah seperti berikut :

- i. menyebarkan fatwa-fatwa yang telah dibuat tentang pengharaman Syiah kepada masyarakat termasuk dengan mencetak poster, risalah dan pamflet anti Syiah untuk sebaran umum;
- ii. mengadakan sesi penjelasan kepada masyarakat melalui program-program ceramah dan penyebaran maklumat tentang pengharaman ajaran Syiah menerusi media cetak dan elektronik termasuk dengan melibatkan stesen-stesen televisyen swasta, kerajaan dan majalah-majalah;
- iii. melaksanakan program pemantauan dan mengawal bahan-bahan media cetak dan elektronik berkaitan fahaman Syiah menerusi media-media berkenaan; dan
- iv. meningkatkan kerjasama antara agensi agama dengan kementerian-kementerian yang berkaitan dalam menangani fahaman Syiah daripada berleluasa. JAKIM sedang melaksanakan Makmal Khas Menangani Isu Syiah yang melibatkan pelbagai agensi Kerajaan di peringkat pusat dan negeri bagi merancang menangani Syiah secara holistik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]**  
**TARIKH** : **3.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hasil yang tercapai dari segi prestasi murid dan kemahiran guru setelah tiga tahun menjalankan program Mentor Bahasa Inggeris sejak tahun 2011 di 1,800 sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Penilaian Pencapaian KPI Program Penutur Jati Bahasa Inggeris (PPJBI) pada bulan September 2013, **tahap penguasaan guru** dalam bahasa Inggeris telah meningkat dengan signifikan. Dalam kalangan 4,500 guru yang dinilai oleh mentor berdasarkan *Common European Framework* (CEFR), bilangan guru yang berada pada tahap rendah iaitu Band A1, A2 dan B1 telah berkurangan manakala guru yang berada pada Band C1, C2 dan B2 meningkat dengan signifikan.

Berdasarkan **soal selidik persepsi 160 orang murid** di 32 sekolah sampel semasa Pemantauan Pelaksanaan PPJBI dan penilaian KPI PPJBI pada tahun 2013 pula mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan PPJBI telah memberi manfaat kepada murid, walaupun masih belum mencapai tahap profisiensi yang tinggi dalam bahasa Inggeris.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD**  
**[ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH** : **3 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN** : **30**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah bilangan Graduan Juruterbang (*pilot*) yang masih menganggur sehingga Feb 2014, apakah sebab terjadinya fenomena sedemikian rupa.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan Februari 2014 dianggarkan seramai 633 orang graduan sekolah penerbangan masih belum mendapat pekerjaan.

Antara faktor-faktor pengangguran di kalangan para graduan adalah seperti berikut:

(i) **Perkembangan industri penerbangan negara**

Jumlah peningkatan graduan yang tidak mendapat pekerjaan juga disokong dengan ketiadaan pengambilan oleh syarikat-syarikat penerbangan semenjak bulan September 2013. Oleh yang demikian, tiada pengurangan yang ditunjukkan dari jumlah graduan yang mendapat pekerjaan dari syarikat penerbangan sehingga Februari 2014.

(ii) **Lebih bekalan juruterbang berbanding permintaan**

Malaysia tidak mempunyai banyak syarikat penerbangan, dan ketidaktentuan ekonomi dunia masa kini turut memberi kesan kepada prestasi kewangan syarikat penerbangan dan ini mempengaruhi permintaan terhadap juruterbang baru.

**(iii) Peningkatan harga bahan api**

Peningkatan harga bahan api dilihat memberi kesan kepada industri penerbangan tempatan dan ini mengakibatkan syarikat penerbangan terpaksa mengkaji dan merancang semula operasi dan laluan untuk memastikan kecekapan penggunaan bahan api. Pengurusan semula operasi dan laluan turut memberi kesan kepada permintaan juruterbang baru.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ [ PASIR MAS ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 31**

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh mana kerjasama yang dilakukan antara pihak Kementerian, JAKIM dan penggiat seni dalam menggubal garis panduan industri berkenaan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini dan agensi di bawahnya serta penggiat industri sentiasa bekerjasama dari masa ke semasa dengan JAKIM untuk mendapatkan nasihat dan panduan dalam penyediaan garis panduan industri seni. JAKIM juga merupakan anggota Jawatankuasa Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) seliaan KKMM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
(KOTA SAMARAHAN )**

**TARIKH : 3 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan melalui statistik perkahwinan yang melibatkan golongan remaja dan adakah Kementerian bercadang untuk meningkatkan motivasi serta pengetahuan kekeluargaan di kalangan mereka bagi mengurangkan kadar penceraian di kalangan pasangan muda.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Keluarga merupakan unit asas yang membentuk sesebuah masyarakat. Sebuah keluarga bahagia akan membentuk negara yang sejahtera. Sehubungan itu, pemantapan perkahwinan merupakan elemen yang penting dalam membentuk institusi keluarga kukuh. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memantapkan institusi keluarga dalam kalangan pasangan muda melalui program pendidikan, pengetahuan dan kemahiran serta khidmat sokongan kekeluargaan. Antaranya ialah:

- a) **Program Pra Perkahwinan SMARTSTART** telah dilaksanakan sejak tahun 2006 untuk pasangan yang akan berkahwin atau baru berkahwin (kurang 5 tahun). Antara modul yang diintegrasikan dalam program ini ialah “**Alam Keibubapaan**” serta “**Menangani Tekanan dan Konflik**”. Hingga bulan Disember 2013 sejumlah 552 program telah dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan badan-badan

agama. Program ini telah memberi manfaat kepada 20,407 orang peserta;

b) **Siri Kursus 'Ilmu Keluarga@LPPKN'** telah diadakan setiap bulan di setiap negeri kepada masyarakat umum. Bagi tempoh 2006 hingga Disember 2013, sejumlah 10,238 kursus telah diadakan dengan penyertaan daripada 1.15 juta orang. Kursus ini berasaskan kepada Pakej Modul KASIH yang dibangunkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan mengandungi 3 aspek keibubapaan iaitu:

- i. keibubapaan anak kecil;
- ii. keibubapaan anak remaja; dan
- iii. kebapaan (*fatherhood*);

c) Menyedari cabaran dwikerjaya suami isteri masa kini dan kekangan pasangan menghadiri kursus keibubapaan di luar waktu kerja, LPPKN telah melaksanakan program **Keluarga@Kerja (*Parenting@Work*)** khusus untuk ibu bapa bekerja, sama ada di sektor awam atau swasta sejak tahun 2007. Matlamat program adalah untuk membantu golongan muda yang bekerja memperolehi kemahiran mengimbangi

tanggungjawab kerja dengan keluarga (*work life balance*), kemahiran menguruskan cabaran keluarga dan rumah tangga serta keibubapaan kreatif. Bagi tempoh 2007 hingga Disember 2013, sejumlah 603 program telah dilaksanakan oleh LPPKN dengan kerjasama NGO yang melibatkan penyertaan seramai 25,971 orang peserta;

- d) Perkhidmatan kaunseling secara *outreach* turut diberikan oleh KPWKM bagi membantu pasangan yang menghadapi konflik. Pendekatan ini telah disediakan melalui dua agensi utama di bawahnya yang mempunyai 15 orang kaunselor tetap dan 51 orang kaunselor panel di Pusat Keluarga LPPKN dan 189 orang kaunselor di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah di seluruh negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ [ JERLUN ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014**

**SOALAN:**

**Dato' Othman bin Aziz [ Jerlun ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan statistik pekebun kecil yang telah mendapat anak-anak pokok koko secara percuma melalui Program Koko Untuk Rakyat yang telah dijalankan sejak dari tahun 2011 hingga kini dalam usaha menyokong perkembangan industri dan pendekatan tambahan untuk tujuan peluasan kawasan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Koko Untuk Rakyat (KUR) telah dilaksanakan sejak tahun 2010. Matlamat program ini adalah untuk:

- i. Membantu penduduk luar bandar yang mempunyai tanah lapang untuk meningkatkan pendapatan melalui tanaman koko;
- ii. Memperluaskan tanaman koko di kalangan pengusaha kecil; dan
- iii. Menyokong perkembangan industri hiliran negara.

Di bawah program ini, bantuan sebanyak 50 anak pokok bagi setiap orang disediakan. Selain itu, Kementerian melalui Lembaga Koko Malaysia (LKM) juga menyediakan bantuan teknikal dan khidmat nasihat dari segi pembajaan dan pemangkasan serta pemasaran.

Dari tahun 2010 sehingga bulan Disember 2013, sebanyak RM185,650.50 telah dibelanjakan di mana sebanyak 53,043 anak pokok koko telah diagihkan kepada seramai 3,592 peserta. Pecahan agihan adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Wilayah</b>	<b>Bilangan Peserta</b>	<b>Bilangan Anak Pokok</b>
2010	Semenanjung	157	1,784
	Sabah	446	9,008
	Sarawak	1	50
	<b>Jumlah</b>	<b>604</b>	<b>10,812</b>
2011	Semenanjung	50	14,932
	Sabah	80	2,495
	Sarawak	1,361	4,000
	<b>Jumlah</b>	<b>1,491</b>	<b>21,427</b>
2012	Semenanjung	276	4,447
	Sabah	764	4,816
	Sarawak	0	0
	<b>Jumlah</b>	<b>1,040</b>	<b>9,263</b>
2013	Semenanjung	99	2,571
	Sabah	250	3,810
	Sarawak	108	5,160
	<b>Jumlah</b>	<b>457</b>	<b>11,541</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>3,592</b>	<b>53,043</b>

Jumlah yang telah diedarkan ini merangkumi kawasan seluas 53 hektar dengan anggaran pengeluaran sebanyak 53 tan biji koko kering yang bernilai sebanyak RM434,070.00 setahun.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
(GERIK)**

**TARIKH JAWAPAN : 3 APRIL 2014 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN : NO. ~~20~~ 34**

### SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mencari sebarang sumber tenaga alternatif sebagai persediaan menghadapi masalah kekurangan sumber tenaga masa akan datang. Nyatakan perancangan dan program berkaitan

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Untuk meningkatkan kepelbagaian sumber bahan api terutama dari sumber alternatif sebagai persediaan menghadapi masalah kekurangan sumber tenaga di masa hadapan, Kementerian telah menggubal Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Baharu (TBB) yang telah dilaksanakan pada tahun 2011 bersekali dengan Rancangan Malaysia Ke-10. Ia adalah pendekatan yang holistik dan sistematik untuk memastikan industri TBB yang berdaya maju dan mampan dalam jangka panjang. Dasar ini disokong oleh pelan tindakan yang mengandungi lima (5) Teras Strategik yang merangkumi penglibatan pelbagai kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan. Teras Strategik ini dirangka bagi mengatasi halangan yang wujud dan memacu pembangunan TBB dengan pesat. Teras Strategik yang telah digariskan tersebut adalah:

- (i) Teras 1: Mewujudkan Kerangka Perundangan Yang Berkesan

- (ii) Teras 2: Mewujudkan Persekitaran Perniagaan TBB Yang Kondusif
- (iii) Teras 3: Membangunkan Kapasiti Dalam Bidang TBB
- (iv) Teras 4: Mempertingkatkan Aktiviti Penyelidikan Dan Pembangunan
- (v) Teras 5: Merangka Dan Melaksanakan Program-Program Kesedaran TBB

2. Di bawah Dasar dan Pelan Tindakan ini, mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) telah dikenal pasti sebagai satu kaedah dasar bagi meningkatkan penggunaan TBB dengan lebih agresif. Pelaksanaan mekanisme ini telah dikuatkuasakan mulai 1 Disember 2011 selaras dengan penguatkuasaan Akta TBB 2011. Mekanisme ini membolehkan pihak pemaju bebas dan individu menjual tenaga elektrik yang dijana daripada sumber biomas, biogas, hirdokuasa kecil dan solar PV kepada pihak utiliti pada kadar tarif yang premium.

3. Pelaksanaan mekanisme ini secara langsung akan meningkatkan daya maju projek-projek TBB yang akan membantu meningkatkan sumbangan TBB kepada campuran bahan api negara dengan lebih signifikan. Sasaran yang telah

ditetapkan di bawah Dasar dan Pelan Tindakan ini adalah sebanyak 985 MW menjelang tahun 2015 dan 2,080 MW menjelang tahun 2020.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI  
[SETIAWANGSA]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari [SETIAWANGSA] minta PERDANA MENTERI menyatakan takrifan garis kemiskinan di Malaysia. Adakah data tersebut mengikut pendapatan isi rumah mengikut belanja yang dikeluarkan pada kadar semasa. Ini kerana, kadar takrifan kemiskinan di Malaysia dikatakan berada di paras yang rendah dan tidak lagi bersesuaian dengan kos sara hidup.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang diguna pakai oleh Malaysia adalah pengukuran yang berasaskan kepada konsep kemiskinan mutlak (*absolute poverty*). Konsep ini adalah berdasarkan amalan antarabangsa dan diguna pakai di kebanyakan negara membangun termasuk Malaysia. Ianya berasaskan konsep keperluan asas minimum isi rumah bagi memenuhi keperluan makanan dan bukan makanan untuk membolehkan isi rumah berkenaan aktif dan produktif dalam masyarakat. PGK semasa telah mengambil kira perbelanjaan sara hidup masyarakat Malaysia di paras keperluan asas minimum isi rumah. PGK tersebut dikemas kini dari semasa ke semasa, iaitu setiap 2 kali dalam tempoh 5 tahun berdasarkan perubahan harga mengikut kawasan bandar dan luar bandar.

Perkara-perkara yang diambil kira dalam pengiraan PGK termasuklah keperluan makanan (berasaskan keperluan kalori dan konsep pemakanan seimbang) dan bukan makanan pada paras minimum berdasarkan amalan masyarakat Malaysia. Di samping itu, ciri-ciri demografi ahli isi rumah seperti umur, jantina dan bilangan ahli isi rumah serta lokasi mengikut negeri dan strata, iaitu kawasan bandar dan luar bandar juga diambil kira dalam menentukan PGK.

PGK terkini bagi Malaysia berasaskan tahun 2012 adalah;

Wilayah	(RM bulanan)					
	2007		2009		2012	
	Isi rumah	Per kapita	Isi rumah	Per kapita	Isi rumah	Per kapita
<b>Semenanjung Malaysia</b>						
<b>Bandar</b>	740	185	770	200	840	220
<b>Luar Bandar</b>	700	160	740	170	790	190
<b>Sabah dan Labuan</b>						
<b>Bandar</b>	970	200	1,020	230	1,080	240
<b>Luar Bandar</b>	940	190	1,080	230	1,120	240
<b>Sarawak</b>						
<b>Bandar</b>	860	190	940	210	960	230
<b>Luar Bandar</b>	810	190	880	210	870	220

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL**  
**[ PENDANG ]**  
**TARIKH : 3 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**YB DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [ PENDANG ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang mengadakan undang-undang kawalan harga barang yang lebih berkesan seperti menghadkan kadar untung maksimum ke atas pemborong yang sentiasa memanipulasikan harga barang untuk keuntungan berlipat ganda.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kenaikan harga barang di pasaran akibat manipulasi oleh sesetengah pengedar (*distributor*) mungkin disebabkan oleh peningkatan dalam kos pengeluaran atau mungkin juga disebabkan oleh aktiviti anti persaingan oleh para peniaga termasuk pakatan atau perjanjian sesama peniaga (kartel) dalam menaikkan harga sesuatu barangan dan juga penyalahgunaan kuasa pasaran yang dimiliki oleh sesetengah peniaga di seluruh rangkaian perniagaan.

Sehubungan itu, bagi membentaras aktiviti anti persaingan ini yang sememangnya jika tidak dibendung ternyata akan memberi kesan negatif kepada para pengguna negara, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) melalui penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (Akta ini) semenjak 1 Januari 2012 telah bertungkus lumus menjalankan pelbagai aktiviti penguatkuasaan bagi membentaras aktiviti anti persaingan oleh para peniaga yang tidak bertanggungjawab. Keberkesanan usaha MyCC dapat dilihat dengan keputusan penuh dan cadangan-cadangan keputusan yang telah dikeluarkan oleh pihak MyCC. Baru-baru ini pada 20 Februari 2014, pihak MyCC telah mengeluarkan satu cadangan keputusan terhadap 26 pengeluar ais yang telah didapati menjalankan satu aktiviti pakatan harga di bawah seksyen 4(2)(a) Akta ini. Siasatan yang dijalankan mendapati bahawa pengilang-pengilang ais ini telah bersetuju untuk menaikkan harga sebanyak RM 0.50 bagi setiap beg

tiub ais dan RM 2.50 bagi setiap blok ais. Jika pakatan sesama pengeluar ais ini tidak dibendung ianya ternyata akan memberi impak negatif kepada seluruh rangkaian permintaan produk ais dan akan memberi kesan kepada kenaikan harga makanan dan minuman.

Di samping itu, pihak MyCC juga telah menjalankan beberapa aktiviti penguatkuasaan lain terhadap peniaga-peniaga yang didapati melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Akta ini. Ini termasuklah keputusan penuh terhadap Cameron Highlands Floriculturists Association (CHFA) dan beberapa cadangan keputusan lain seperti MAS dan AirAsia bagi perkongsian pasaran, Megasteel Sdn. Bhd. bagi penyalahgunaan kedudukan dominan dan langkah interim terhadap beberapa syarikat lori yang membuat aktiviti penetapan harga.

Selain itu, dalam memastikan keberkesanan penguatkuasaan dan pemahaman Akta ini, MyCC turut giat menjalankan program-program advokasi secara meluas dan berterusan termasuk di Sabah dan Sarawak. Sehingga tahun 2013, MyCC telah menjalankan sebanyak 97 advokasi/sesi dialog bersama pihak industri, persatuan dan agensi Kerajaan dan program-program seumpamanya akan diteruskan lagi pada tahun 2014. Program-program advokasi ini bertujuan untuk memberi maklumat kepada orang ramai tentang kewujudan dan penguatkuasaan Akta ini disamping mengalakkan pematuhan oleh para peniaga (*compliance*).

**NO. SOALAN: 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6701**

**SOALAN:**

**Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah kes yang dilaporkan berkenaan wang yang telah ditipu oleh pihak yang tertentu melalui Facebook/internet dalam tempoh masa 5 tahun yang lepas. Berapakah jumlah wang yang ditipu dan apakah tindakan pihak Kementerian untuk menangani masalah ini.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan sedar dan peka kepada *trend* jenayah masa kini terutamanya peningkatan kes-kes jenayah siber dan penipuan melalui Internet. Fenomena ini bukan hanya berlaku di negara ini sahaja, tetapi berlaku di seluruh dunia memandangkan penggunaan media elektronik telah menjadi budaya masyarakat kini. PDRM telah mengambil langkah proaktif bagi membendung gejala ini dan memastikan rakyat tidak menjadi mangsa penipuan jenayah siber ini.**

**Statistik berkaitan penipuan Internet yang diambil tindakan oleh pihak polis khususnya di Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) bagi tahun 2010 sehingga 2013 seperti berikut:-**

<b>TAHUN</b>	<b>KES</b>	<b>KERUGIAN (RM)</b>
2009	971	6,697,766.21
2010	2258	23,361,566.44
2011	3627	43,334,942.03
2012	2897	52,424,323.96
2013	3051	42,212,321.85

Tindakan pihak polis untuk menangani kes-kes sebegini adalah seperti berikut:-

**i) Penguatkuasaan undang-undang.**

- a) Meningkatkan lagi operasi bersepadu terhadap sindiket-sindiket yang telah dikenalpasti.**
- b) Membuat tangkapan terhadap ahli-ahli sindiket dan menuduh mereka di mahkamah.**
- c) Memperkasa lagi hubungan kerjasama di antara pihak polis dan agensi-agensi penguatkuasa lain serta agensi swasta.**
- d) Mencadangkan kepada pihak imigresen agar ahli-ahli sindiket yang tidak dapat dituduh di mahkamah kerana kekurangan keterangan, diusir dan disenaraihitamkan supaya mereka tidak kembali ke negara ini dengan menggunakan identiti lain.**

**ii) Tindakan pro-aktif.**

- a) Polis Diraja Malaysia telah melaksanakan kempen-kempen kesedaran yang bertemakan '*Be Smart*' di media cetak, media elektronik dan media sosial dalam usaha untuk mendidik masyarakat supaya lebih berhati-hati semasa menggunakan Internet.**
- b) Mengambil tindakan bawah *Anti Money Laundering And Terrorism Act (AMLATFA)*.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG  
YIENG [LANANG]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan selain program PR1MA untuk membantu golongan muda untuk membeli rumah di Sibu dan Sarawak; dan

(b) di mana dan bilakah rumah PR1MA akan dibina di dalam kawasan Parlimen Lanang dan Sibu dan berapa unit yang telah diluluskan dan akan diluluskan.

**JAWAPAN: YB DATO'SERI DR.SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

PR1MA adalah manifestasi hasrat kerajaan dalam menyediakan kediaman mampu milik kepada golongan berpendapatan sederhana. Pembangunan PR1MA bukan sahaja mengambil kira aspek fizikal sesebuah kawasan malahan turut menitikberatkan aspek sosial agar mewujudkan persekitaran yang serba lengkap, kondusif dan mampan.

Sebagai permulaan, fokus pembangunan PR1MA tertumpu di kawasan bandar-bandar utama dan pinggir bandar dahulu. Kini PR1MA sedang berbincang dengan pihak Kerajaan Negeri dan juga pemaju swasta dalam mengenalpasti dan mempertimbangkan beberapa lokasi yang sesuai bagi pembangunan PR1MA.

Mengenai inisiatif lain selain program PR1MA dalam usaha untuk membantu golongan muda memiliki rumah, pihak Kerajaan telah menyediakan pelbagai inisiatif bagi membantu dan meningkatkan kemampuan golongan muda membeli dan memiliki rumah sendiri. Antara inisiatif lain yang telah diperkenalkan Kerajaan adalah Skim Rumah Pertamaku (SRP) melalui Kementerian Kewangan. SRP membantu golongan muda yang mahu membeli rumah mendapat pembiayaan sehingga 100% tanpa perlu menyediakan 10% wang pendahuluan terlebih dahulu. Had pendapatan peminjam perseorangan adalah dari RM5,000 dan RM10,000 bagi suami isteri.

Untuk makluman, PR1MA juga sedang di dalam proses untuk merangka satu program pembiayaan bagi pembeli rumah PR1MA dan ianya akan diumumkan tidak lama lagi. Selain daripada itu, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) pula turut memperkenalkan beberapa program iaitu Program Rumah Mampu Milik yang dijual pada harga dari RM42,000 - RM250,000, Program Rumah Mesra Rakyat bagi golongan berpendapatan rendah dan Program Rumah Idaman Rakyat bagi golongan berpendapatan kurang dari RM7,500. Manakala itu, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pula sedang giat menyediakan rumah melalui Program Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negara.

Bagi negeri Sarawak, PR1MA sedang bekerjasama dan mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan Kerajaan Negeri melalui Kementerian dan Agensi bertanggungjawab yang berkaitan dan juga pihak swasta melalui Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Sarawak (SHEDA) untuk membangunkan perumahan PR1MA di Sarawak. Kawasan bandar besar seperti Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri sememangnya berada dalam perancangan PR1MA di Sarawak. Setakat ini, Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 8,547 unit rumah di Sarawak. PR1MA akan melancarkan pembangunan-pembangunan tersebut dalam masa terdekat dan akan diumumkan kepada rakyat dari semasa ke semasa.

Sekian. Terima kasih.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [ HULU LANGAT ]**  
**TARIKH : 3 APRIL 2014 (KHAMIS)**  
**SOALAN : Dr. Che Rosli bin Che Mat minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan dasar, perancangan dan pencapaian Pusat Penyelidikan Antarabangsa Tanaman Masa Hadapan (CFFRC) yang diharap dapat meningkat dan mempelbagaikan hasil Pertanian Negara.**

**JAWAPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Jun 2010 telah bersetuju dengan penubuhan *Crop for The Future* (CroFu) yang terdiri daripada dua (2) entiti iaitu *Crops for the Future* (Global) dan *Crops for the Future Research Centre* (CFFRC) di kawasan seluas 50 hektar di Semenyih, Selangor. CFFRC telah ditubuhkan sebagai *Company Limited by Guarantee and Not Having a Share Capital* di bawah Akta Syarikat 1965 pada 8 Julai 2011. Pada dasarnya penubuhan CFFRC ini adalah untuk menjalankan penyelidikan secara tersendiri dan kerjasama dengan pelbagai agensi tempatan dan/ atau antarabangsa berkaitan tanaman yang kurang dimanfaatkan (*underutilised crops*). Di samping itu, CFFRC juga berfungsi untuk mengumpul, menyebarkan, mendokumentasi dan mendidik perkara berkaitan tanaman yang kurang dimanfaatkan kepada komuniti penyelidik, pelajar, usahawan tani dan industri.

Semenjak penubuhan CFFRC, berikut merupakan senarai rakan usaha sama strategik yang telah dijalinkan:

- i) Jabatan Pertanian Sarawak;
- ii) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA);
- iii) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI);

- iv) Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM);
- v) Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA);
- vi) Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- vii) Agensi Nuklear Malaysia;
- viii) Universiti Sains Malaysia (USM);
- ix) Universiti Putra Malaysia (UPM);
- x) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP);
- xi) Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS);
- xii) Universiti Malaysia Sabah (UMS);
- xiii) Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU);
- xiv) Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp);
- xv) Biotropics Malaysia Berhad;
- xvi) MIMOS Berhad.
- xvii) ABI Research (Allied Business Intelligence Incorporated);
- xviii) Craun Research Sdn. Bhd.;
- xix) ALS Labs;
- xx) MARS Corporation;
- xxi) GWG;
- xxii) Prinsip Hijau Sdn. Bhd.;
- xxiii) The Institute of Malaysian and International Studies (IKMAS); dan
- xxiv) Malaysian Oil Scientists' and Technologists' Association (MOSTA).

Secara keseluruhannya, di antara usaha CFFRC sejak penubuhan pada 2010 adalah seperti berikut:

- i) Mewujudkan kehadiran dana antarabangsa dan serantau bagi mengurangkan kos penyelidikan keseluruhan melalui kerjasama dengan organisasi penyelidikan yang dikenalpasti dengan memberi tumpuan kepada kekangan di dalam rantai nilai.
- ii) Bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan institusi penyelidikan antarabangsa di dalam usaha untuk mengumpul dana dari luar negara sebelum geran dana yang diluluskan oleh Kerajaan Malaysia berakhir pada akhir tahun 2017. Usaha awal ini penting bagi membina reputasi CFFRC dan merupakan titik permulaan bagi pemasaran yang unik.

CFFRC juga telah mewujudkan beberapa program penyelidikan induk yang dirangka khusus bagi penggunaan tanaman yang kurang dimanfaatkan (*underutilised crops*) dan buah nadir melalui penyelidikan sumber makanan seperti berikut:

- i) Program BamYIELD (jaminan pemakanan)
- ii) Program FishPLUS (berasaskan akuakultur)
- iii) Program SystemPLUS (mempelbagaikan pertanian)
- iv) Program FoodPLUS (teknologi terkini di dalam pemprosesan pemakanan)
- v) Program BiomassPLUS (biotenaga mesra alam)
- vi) Program CropBASE (pemangkin IT berasaskan web yang pertama di dunia melalui sebagai sistem sokongan keputusan untuk tanaman tidak digunakan sepenuhnya dan buah nadir).

Di samping itu, MARDI sebagai Lembaga Pengelola kepada CFFRC telah merangka serta merancang penyelidikan dan pembangunan (R&D) tanaman masa hadapan yang berpotensi untuk pembangunan pertanian negara dan global. Sehubungan itu, MARDI turut terlibat sebagai rakan kolaborasi dengan CFFRC dalam R&D penggunaan teknologi paling inovatif dan pendekatan untuk pemeliharaan (*preservation*) kualiti produk dalam proses pengendalian lepas tuai buah-buahan dan sayur-sayuran segar serta kaedah memanjangkan jangkahayat (*shelflife*) produk segar. CFFRC juga dalam perancangan untuk menubuhkan sebuah 'Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan dalam Kepelbagaian Pertanian di rantau ASEAN' (CREAD). Melalui jalinan usaha sama tersebut, CFFRC akan menyediakan penyelidikan untuk menyokong pengkomersialan tanaman yang kurang dimanfaatkan (*underutilised crops*) dan buah nadir ke seluruh rantau ASEAN. CFFRC juga telah dijemput untuk bersama-sama menjadi tuan rumah bagi Sidang Kemuncak Jaminan Pemakanan Global yang bertemakan 'Jaminan Pemakanan (*Food Security*): Cabaran dan Penyelesaian' pada bulan Julai 2014.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ]**  
**TARIKH : 3.4.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bersedia untuk menambah jam pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam dan Moral.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penetapan jam pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan 1997). Mata pelajaran **Pendidikan Islam** adalah mata pelajaran teras kepada semua murid beragama Islam di peringkat rendah dan menengah. Peraturan-Peraturan Pendidikan ini telah memperuntukkan jumlah masa untuk Pendidikan Islam sebanyak 180 minit seminggu untuk sekolah kebangsaan, 240 minit seminggu untuk peringkat sekolah menengah rendah dan 160 minit seminggu untuk peringkat sekolah menengah atas. Peruntukan masa untuk mata pelajaran Pendidikan Islam sedia ada sudah cukup bagi memenuhi keperluan murid di peringkat sekolah rendah dan menengah memahami dan mengamalkan asas kefahaman dan amalan bagi seorang muslim.

**Pendidikan Moral** merupakan mata pelajaran teras untuk murid bukan Islam mengikut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Mata pelajaran Pendidikan Moral yang diperkenalkan kepada murid-murid bukan Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah bertujuan untuk membentuk insan yang berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global. Melalui transformasi kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan kurikulum baharu bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah rendah dan menengah. Peruntukan masa adalah mencukupi dan sesuai dengan matlamat untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang berintegriti dan mengamalkan nilai-nilai murni untuk kesejahteraan negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 3 APRIL 2014 ( KHAMIS )

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM  
[ KUALA SELANGOR ]

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sekiranya Kerajaan bersedia memperkenalkan Program Perumahan Belia 1Malaysia (PB1MA) atau Tabung Perumahan Belia 1Malaysia seumpamanya sebagai langkah khas untuk meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan belia memandangkan kebanyakan belia termasuk graduan yang baru memasuki pasaran kerja tidak mampu untuk memiliki sebuah rumah.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa peka mengenai isu perumahan yang dialami oleh rakyat termasuklah belia. Buat masa ini Kerajaan belum ada perancangan khusus memperkenalkan Tabung Perumahan Belia 1Malaysia. Walau bagaimanapun, golongan belia negara ini masih boleh menyertai Program-Program Perumahan yang disediakan oleh Kerajaan pada masa ini seperti Rumah Transit, Skim MyHome, projek-projek perumahan di bawah Prima dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY  
BIN JUSOH [ SETIU ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan *trend mega* yang dapat membawa ramai pelancong biasa dan elit berkunjung ke negara ini dan nyatakan langkah kerajaan bagi meningkatkan pasaran pelancongan dari China, India, Timur Tengah dan Rusia.

**JAWAPAN:      DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat empat *trend mega* yang diambil kira oleh Kementerian ini dalam mempelbagai produk pelancongan yang dijangka dapat membawa ramai pelancong biasa dan elit berkunjung ke negara ini seperti berikut:

- (i) Golongan elit sejagat yang sanggup berbelanja tinggi (Global Elite): Memenuhi permintaan pelancong yang sanggup berbelanja tinggi bagi mendapatkan produk mewah, berkualiti dan bertaraf tinggi di Malaysia. Bagi tujuan ini, Kementerian sentiasa memberi penekanan untuk menaiktarafkan dan mempelbagaikan produk pelancongan mewah bagi menarik pelancong daripada kumpulan ini.
- (ii) Kesan kehidupan di bandar yang sibuk: Di mana pelancong-pelancong masa kini berminat untuk mencari peluang melancong bagi tempoh yang singkat (*short getaway*) bagi menenangkan fikiran dari kesibukan kerja dan hiruk-pikuk kehidupan di kotaraya. Malaysia mempunyai potensi untuk mempromosikan pantai-pantai dan pulau-pulau sebagai tempat untuk beristirehat jauh dari kesibukan kotaraya.
- (iii) Perbelanjaan terpilih: Para pelancong kini mempunyai citarasa tersendiri ketika melancong. Sebagai contoh, terdapat pelancong yang sanggup berbelanja lebih untuk penginapan tetapi pada masa yang sama akan bersedia untuk lebih berbelanja pada makanan.

Dengan itu, Malaysia boleh mengetengahkan produk-produk yang memenuhi kepelbagaian kehendak, citarasa dan keperluan pelancong.

- (iv) Kebangkitan pasaran baru seperti China, India dan Timur Tengah: Kementerian ini sentiasa berusaha untuk mempromosikan pelancongan Malaysia bagi menarik lebih ramai pelancong terutama golongan mewah dari negara-negara seperti China, India, Arab dan Russia.

Bagi meningkatkan pasaran pelancongan dari China, India, Timur Tengah dan Rusia, kerajaan telah melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- (i) Mengadakan **Misi Galakan Pelancongan** ke bandaraya **utama** di China, India, Timur Tengah serta Rusia dan juga bandar **sekunder** (*second-tier city*) terutamanya bandar yang mempunyai penerbangan secara terus ke Malaysia. Melalui misi ini, jaringan kerjasama antara pengusaha-pengusaha pelancongan dapat diperkukuhkan. Selain daripada itu, kerjasama akan turut diadakan dengan agen untuk menambah jumlah ketibaan pelancong dari negara-negara tersebut melalui operasi penerbangan *Charter* ke Malaysia.
- (ii) Menyertai **pameran pelancongan utama** di negara-negara berkenaan bersama-sama dengan penggiat industri pelancongan Malaysia dan syarikat penerbangan untuk mempromosikan dan menjual pakej pelancongan ke Malaysia. Antara pameran utama yang telah dan akan disertai pada tahun 2014 adalah seperti :-

(a) Pasaran China

- Guangdong International Travel Fair (GITF):  
(27 Feb – 1 Mac)
- World Travel Fair Shanghai (WTF) : (9 – 11 Mei)
- Beijing International Tourism Expo (BITE) : (27 - 29 Jun)
- China International Travel Mart (CITM) : (13 - 16 Nov)

(b) Pasaran India

- South Asia Travel & Trade Exhibition (SATTE) :  
(29 – 31 Jan)
- Sales Mission to South Asia : (10 – 20 Mac)
- Make It Malaysia India : (28 Ogos – 3 Sep)
- India International Travel Mart : (12 – 14 Sep)

(c) Pasaran Timur Tengah

- Riyadh Travel Fair : (15 – 18 April)
- Arabian Travel Market (ATM): (5 – 8 Mei)
- Post ATM : (9 - 14 Mei)
- Seminar Workshop with Unique Choice:  
(13 - 15 Mei)
- Make It Malaysia West Asia: (15-22 Jun)

(d) Pasaran Rusia

- Moscow International Travel & Tourism (MITT):  
(19 – 22 Mac)
- Luxury Leisure Moscow: (16 - 19 Sep)

- (i) Menganjurkan **program-program promosi yang disasarkan secara langsung kepada konsumen** seperti Malaysia Travel Fair yang khusus untuk meningkatkan minat pelancong dan menjualkan pakej Malaysia kepada pelancong-pelancong di negara berkenaan.
- (ii) Meningkatkan usaha **mempromosikan Malaysia melalui internet dan media sosial** iaitu blog, facebook, di samping melalui pelbagai media utama bagi kempen pengiklanan di dalam media cetak dan media elektronik seperti pengiklanan di dalam majalah, surat khabar, televisyen dan radio.
- (iii) Meningkatkan **jejaring kerjasama melalui program Mega Fam** di mana wartawan media dibawa untuk menyaksikan acara-acara pelancongan yang dianjurkan di Malaysia serta melawat destinasi pelancongan utama. Program Mega Fam tersebut turut membawa hasil liputan media massa yang meluas di serata dunia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [ TANJONG ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6712**

**SOALAN:**

**Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha-usaha yang telah diambil sama ada oleh Kerajaan Malaysia ataupun dengan Kerajaan British bagi memastikan rakyat Malaysia yang merupakan *British Overseas Citizen* (BOC) dan telah melepaskan tanpa sengaja atau dilucutkan kewarganegaraan Malaysia tidak menghadapi masalah untuk kembali ke Malaysia.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan Malaysia menyambut baik kepulangan pemegang pasport BOC ke Malaysia dan menjalankan usaha-usaha berikut bagi memastikan kepulangan mereka ke Malaysia tidak menghadapi masalah:**

- i. Mengadakan perbincangan dengan Kerajaan British berhubung prosedur kepulangan;**
- ii. Menyediakan kemudahan imigresen bagi memastikan pemegang pasport BOC boleh berada di Malaysia secara sah;**
- iii. Menyediakan kaunter khas di KLIA bagi memudahkan mereka melapor diri sebaik sahaja tiba di Malaysia;**
- iv. Menempatkan pegawai imigresen khas di KLIA yang berperanan membantu pemegang pasport BOC; dan**
- v. Memberikan khidmat nasihat sebelum dan selepas kepulangan melalui Atase Imigresen di United Kingdom, serta pegawai-pegawai di Jabatan Imigresen Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri.**

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH**  
**[KUBANG KERIAN]**  
**TARIKH : 3 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam menentukan hukum bagi masalah-masalah semasa, Majlis Fatwa Kebangsaan adalah diantara institusi yang terlibat dengannya. Apakah usaha yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk memastikan kredibiliti Majlis ini, supaya apa-apa yang diputuskan dan menjadi fatwa, akan dapat dilaksanakan dan diikuti oleh masyarakat.

**JAWAPAN:** (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara usaha yang dilakukan oleh Kerajaan untuk memastikan apa-apa yang diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dipatuhi oleh masyarakat ialah dengan menyebarkan semua

keputusan atau pandangan hukum yang telah diputuskan melalui beberapa medium tertentu. Antara medium yang digunakan ialah melalui **Portal e-Fatwa** yang merupakan Portal Rasmi Fatwa Malaysia telah dibangunkan sejak tahun 2004 lagi. Melalui portal ini semua keputusan yang diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan telah disebar, bukan sahaja dalam negara tetapi juga seluruh dunia.

Medium lain yang digunakan adalah seperti berikut:

- i) **penerbitan Buku Himpunan Keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan** yang diterbitkan pada setiap tahun dengan penambahan keputusan-keputusan baru yang telah diputuskan. Keputusan-keputusan tersebut juga turut diterjemahkan ke Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab;
- ii) penganjuran **Seminar Pendidikan Fatwa** yang diadakan pada setiap tahun, samada di peringkat kebangsaan atau di peringkat negeri-negeri yang diadakan secara bersama dengan Jabatan Mufti Negeri-Negeri bagi memberikan penjelasan yang mendalam mengenai isu-isu terpilih yang telah diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan;
- iii) **media massa** seperti akhbar dan TV dan **media baharu** seperti Facebook Fatwa Malaysia (<https://www.facebook.com/fatwamalaysia>) dan Twitter Fatwa Malaysia (<https://twitter.com/felofatwa>);

Dengan penyebaran secara meluas ini, Kerajaan berharap masyarakat dapat menjadikan keputusan atau pandangan hukum yang telah diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan sebagai panduan dan rujukan dalam kehidupan mereka.

Bagi memastikan kredibiliti Majlis Fatwa Kebangsaan, selain daripada Mufti setiap negeri, beberapa orang di kalangan profesional dan pakar-pakar yang dipilih telah dilantik menganggotai Majlis ini. Gandingan antara para ulama dan profesional serta pakar sudah tentu keputusan yang dibuat oleh Majlis adalah berwibawa dan penuh integriti.

Sekian terima kasih.

SOALAN NO:45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA  
[ PARIT BUNTAR ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan Kerajaan menerangkan 10 perkara yang dipersetujui antara Perdana Menteri dan Masyarakat Kristian dalam isu Injil terjemahan dalam Bahasa Malaysia yang tertera perkataan 'Allah' yang ditandatangani

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada dasarnya menyokong dan bersetuju mengenai Penyelesaian 10 Perkara sebagaimana yang pernah diumumkan oleh Kerajaan pada April 2011. Penyelesaian 10 Perkara ini merupakan penyelesaian yang adil dan sebaiknya bagi mengatasi perbezaan pandangan di antara rakyat yang berbilang agama, khususnya orang Kristian dan orang Islam, dengan tidak sesekali mengabaikan undang-undang negara.

Kerajaan percaya perbezaan atau konflik mengenai isu agama sebaiknya ditangani melalui dialog dan perbincangan. Ia perlu diadakan bagi mencari kaedah yang terbaik bagi mengatasi konflik di antara agama di negara ini.

Kerajaan yakin dan percaya bahawa agama memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara dan membentuk masyarakat Malaysia. Kerajaan tidak akan membenarkan perbezaan pendapat di antara agama-agama di Malaysia ini memecah belahkan rakyat, atau menanam benih-benih kebencian di dalam masyarakat.

Sekian, Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN ER TECK HWA  
[ BAKRI ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah lengkap kos setiap aktiviti mengikut negeri yang ditanggung Kementerian dalam kalendar Tahun Melawat Malaysia 2014. Apakah nama syarikat yang dapat memperoleh tender dan jumlah kakitangan Kementerian yang terlibat dalam aktiviti ini dan juga kakitangan syarikat yang mendapat tender.

**JAWAPAN :**      **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah memperuntukkan peruntukan sebanyak RM400,000 bagi setiap negeri termasuk Negeri Melaka bagi menjalankan acara-acara khas yang telah dikenalpasti sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 di peringkat negeri. Acara-acara yang telah dikenalpasti akan mencakupi **empat konsep utama** iaitu Citrarasa, Citrawarna, Festival Seni dan Festival Muzium.

Penganjuran program-program ini masih dalam peringkat persediaan kerana kebanyakan acara akan bermula daripada bulan April 2014. Oleh yang demikian, butiran lengkap syarikat yang dilantik hanya akan dimaklumkan setelah selesai proses lantikan di peringkat negeri, selaras dengan tatacara kewangan dan perolehan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]**  
**TARIKH** : **3.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah sebarang kajian semula dijalankan ke atas keberkesanan Bantuan Pelajar Sekolah serta yuran PIBG:-

- (a) adakah pemberian RM100 bagi semua pelajar merupakan langkah yang tepat atau pemberian itu mestilah berdasarkan jumlah pendapatan keluarga; dan
- (b) adakah sebarang garis panduan atau jumlah maksimum yang boleh diletakkan ke atas yuran PIBG dikeluarkan oleh pihak Kementerian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mulai tahun 2012, Kerajaan telah melaksanakan Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia bagi meringankan beban perbelanjaan persekolahan pada awal tahun yang ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga. Bantuan tersebut diberi kepada setiap murid warganegara Malaysia dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5 tanpa mengambil kira pendapatan keluarga. Sumbangan tersebut adalah bertepatan dan menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap pendidikan kanak-kanak.

- (b) Sumbangan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) adalah seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 5(4) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa-Guru) 1998. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan **Surat Siaran Bilangan 4 Tahun 2011: Garis Panduan Kutipan/ Bayaran Keperluan Persekolahan Murid Di Sekolah Kerajaan Dan Sekolah Bantuan Kerajaan;** bertarikh 14 November 2011 bagi menyatakan maksud tatacara dan kaedah yang dibolehkan untuk sumbangan yang diberikan.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK ROZMAN BIN ISLI  
(LABUAN)**

**TARIKH JAWAPAN : 3 APRIL 2014 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN : NO. ~~46~~ 48**

### SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mengatasi masalah gangguan bekalan air sekiranya berlaku banjir. Ini kerana setiap kali berlakunya banjir di kawasan Sungai Padas Beaufort, Sabah, Labuan akan mengalami gangguan bekalan air bersih.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Pada masa ini sumber utama bekalan air terawat bagi Wilayah Persekutuan Labuan diperolehi daripada Loji Rawatan Air Sungai Padas, Beaufort, Sabah. Sumber air mentah bagi loji rawatan air tersebut diperolehi daripada Sungai Padas.
2. Gangguan bekalan air di Wilayah Persekutuan Labuan yang berlaku ketika banjir disebabkan oleh kekeruhan yang tinggi dan muka sauk loji yang tersumbat akibat kelodak lumpur, pasir dan serpihan kayu berpunca dari hakisan sungai. Bagi mengatasi masalah ini, langkah jangka pendek yang diambil ialah dengan memasang pam pasir bagi mempercepatkan kerja-kerja pembersihan muka sauk. Tindakan ini berupaya meminimumkan tempoh gangguan bekalan air di Wilayah Persekutuan Labuan.
3. Bagi penyelesaian jangka masa panjang pula, Jabatan Bekalan Air Labuan (JBAL) telah mengeluarkan tender untuk melantik perunding bagi melaksanakan kerja-kerja pemasangan *Band*

*Screen* serta menjalankan kajian menggunakan konsep *River Bank Filtration* (RBF) di muka sauk loji rawatan air tersebut.

\*\*\*\*\*

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Dato' Kamarul Baharin bin  
Abbas [ TELOK KEMANG ]**

**TARIKH : 03.04.2014 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 49**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan :-

- (a) kejayaan MARA memperoleh pulangan RM1.2 bilion daripada pelaburan dalam anak-anak syarikat terlibat dalam sektor pendidikan, pembangunan harta dan pelaburan am; dan
- (b) berapa banyak daripada keuntungan ini diagihkan dalam projek-projek sektor pendidikan, bantuan pinjaman perniagaan, penyediaan premis dan perumahan kepada Bumiputera secara terperinci mengikut sektor bantuan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

MARA amat berterima kasih dan menghargai keperihatinan Ahli Yang Berhormat terhadap aktiviti-aktiviti pelaburan MARA. MARA sentiasa mencari peluang pelaburan untuk meningkatkan nilai tambah pelaburan ke atas aset MARA.

Untuk tahun 2013, syarikat-syarikat subsidiari MARA telah memperolehpendapatan (bukan pulangan) yang disatukan sebanyak RM1.2 bilion dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM107.5 juta.

MARA memperoleh pulangan daripada pelaburan dalam bentuk bayaran dividen sebanyak RM8.4 juta. Bayaran dividen ini dikategorikan sebagai hasil dalaman MARA yang digunakan untuk menampung pelaksanaan pelbagai aktiviti-aktiviti tambahan MARA yang tidak mendapat peruntukan Kerajaan.

**NO. SOALAN: 50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6592**

**SOALAN:**

**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jaminan Kerajaan dalam memelihara kesucian ayat-ayat suci Al Quran yang tercetak dalam majalah dan akhbar.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Semua penerbitan yang diluluskan permit penerbitan mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 adalah tertakluk kepada Syarat-syarat Permit dan Garis Panduan Penerbitan Kementerian Dalam Negeri iaitu, tidak menyiarkan bahan-bahan penerbitan yang memudaratkan ketenteraman awam, memudaratkan kemoralan, memudaratkan keselamatan, menggemparkan fikiran rakyat, berlawanan dengan mana-mana undang-undang, memudaratkan kepentingan awam dan memudaratkan kepentingan negara.**

**Berdasarkan garis panduan penerbitan Kementerian, majalah dan akhbar tidak dibenarkan sama sekali mencetak dan menyiarkan ayat-ayat suci Al Quran di dalam penerbitan berkenaan. Ini adalah bagi memelihara dan memastikan kesucian ayat-ayat suci Al Quran sentiasa terpelihara dan tidak tercemar.**

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : DATUK RAIME BIN UNGGI

**TARIKH** : 3 APRIL 2014 (KHAMIS)

**SOALAN** : Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bahawa Agrobank mempunyai unit pembangunan usahawan. Sehingga kini, sudah berapa ramaikah usahawan yang telah berjaya dibimbing oleh Agrobank dan adakah mereka mempunyai keistimewaan untuk mendapat pembiayaan Agrobank

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Sejak unit pembangunan usahawan ditubuhkan pada tahun 2007, seramai 11,839 orang usahawan telah dibimbing oleh Agrobank melalui 296 siri kursus dan seminar pembangunan usahawan. Usahawan-usahawan ini di pantau dan diberikan bimbingan dari semasa ke semasa. Manakala bagi usahawan bimbingan Agrobank yang berkemahiran, mempunyai projek yang berdaya saing dan berkeelayakan menerima pembiayaan, pihak Agrobank akan menawarkan kemudahan pembiayaan yang bersesuaian. Pada tahun 2013 sahaja, pihak Agrobank telah menganjurkan 15 siri kursus yang dihadiri seramai 334 orang usahawan dengan jumlah pembiayaan yang telah diluluskan sebanyak RM4.508 juta. Bagi tahun 2014 pula, Agrobank akan menjalankan 20 siri kursus dengan sasaran untuk membangunkan seramai 400 orang usahawan di seluruh Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD  
HARUN NARRASHID [ KOTA TINGGI ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6593**

**SOALAN:**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik jumlah pelancong asing yang masuk ke dalam negara secara sah dan apakah status mereka jika rekod keluar gagal dikesan oleh pihak imigresen. Apakah statistik jenayah yang telah dilakukan oleh pelancong asing bermula dari tahun 2008 hingga 2013.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Statistik kemasukan warga asing ke Malaysia adalah seramai 36,212,668 orang pada tahun 2010, seramai 63,978,081 orang pada tahun 2011, seramai 106,186,566 orang pada tahun 2012 dan seramai 26,327,092 pada tahun 2013.**

**Setiap kemasukan warga asing ke negara ini akan direkodkan maklumat-maklumat yang terdapat pada dokumen perjalanan serta data biometrik (cap jari) untuk tujuan semakan dengan pangkalan data senarai syak (*Suspect List – SL*). Sekiranya seseorang warga asing tersebut didapati tidak mempunyai rekod keluar dan disahkan melanggar Akta dan Peraturan-Peraturan Imigresen berkaitan, maka tindakan diambil untuk menyenaraikan individu tersebut dalam Senarai Syak. Pesalah imigresen dapat dikenalpasti apabila individu tersebut berhasrat untuk meninggalkan negara. Senarai Syak tersebut juga akan mengakibatkan individu tersebut untuk tidak dibenarkan memasuki Malaysia pada masa akan datang.**

**Statistik jenayah melibatkan seramai 550 orang warga asing untuk tahun 2011 dan seramai 433 orang warga asing 2012.**

NO. SOALAN : 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN@JIMMY[KOTA  
KINABALU]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Sze Phin @Jimmy [Kota Kinabalu] minta PERDANA MENTERI menyatakan memberi penjelasan mengapa laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja(RCI) mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin(PATI) di Sabah akan lewat disiapkan. Apakah tindakan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah PATI di Sabah dan memastikan masalah ini tidak berulang.**

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan RCI Sabah tersebut perlu dibentangkan terlebih dahulu kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebelum diumumkan kepada mana-mana pihak. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya tersebut akan mendapatkan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terlebih dahulu sebelum membentangkan hasil siasatannya di dewan yang mulia.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASSAN

TARIKH: 3 APRIL 2014

SOALAN:

**Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hassan [ Parit ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah inisiatif kerajaan untuk mewujudkan 50 peratus pekerja mahir menjelang 2020. Adakah matlamat ini boleh dicapai dengan pergantungan negara kepada ramai pekerja asing buat masa sekarang.

PR-1321-L59213

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telah menetapkan sasaran 50% pekerja mahir daripada keseluruhan jumlah pekerja menjelang tahun 2020. Bagi merealisasi hasrat tersebut, Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah merancang dan melaksanakan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi meningkatkan jumlah pekerja berkemahiran tinggi di negara ini.

2. Di antara usaha jangka pendek yang telah dilakukan adalah;

a) Promosi SkillsMalaysia

i. JPK menjalankan kempen secara berterusan untuk meningkatkan kesedaran dan menambah baik persepsi terhadap latihan kemahiran di kalangan pelajar yang berpotensi dan ibu bapa mereka. Selaras dengan keperluan RMKe-10, kempen kesedaran SkillsMalaysia di peringkat Nasional telah diumumkan oleh Kerajaan pada 11 Januari 2011 sebagai salah satu daripada 19 aktiviti Program Transformasi Ekonomi (ETP). Objektif *SkillsMalaysia* adalah untuk meningkatkan kesedaran terhadap peluang kerjaya dalam bidang latihan kemahiran dan seterusnya menjayakan hasrat Negara ke arah menjana ekonomi Negara berpendapatan tinggi.

b) Karnival Kemahiran

ii. JPK juga menyediakan *platform* untuk masyarakat dan memudahkan *access* kepada bidang latihan kemahiran melalui karnival dan ekspo. Sebagai contoh, Karnival SkillsMalaysia diadakan pada setiap bulan di kawasan atau zon yang telah dikenalpasti iaitu zon Utara, Tengah, Timur, Selatan, Sabah dan Sarawak. Buat julung kalinya KSM melalui JPK menganjurkan Karnival dan Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK) yang telah diadakan pada 26 hingga 29 September 2013. Dengan penganjuran karnival ini, dapat memberikan gambaran dan pemahaman kepada orang ramai mengenai matlamat dan dasar Kerajaan bagi meningkatkan modal insan yang berkemahiran tinggi di Malaysia.

Pada masa yang sama, ia juga memberi peluang kepada orang ramai untuk melihat secara lebih dekat bidang kemahiran sedia ada selain mempromosi produk dan kursus kemahiran yang ditawarkan.

3. Di antara usaha jangka panjang yang telah dilakukan adalah;

a) Pentausahaan Pusat-pusat Bertauliah (PB) JPK

i. Sejalan dengan perkembangan ekonomi Negara, Pusat-pusat Bertauliah di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran adalah digalakkan untuk menjalankan program-program latihan kemahiran tahap tinggi. Sehubungan ini, Program Latihan Kemahiran Secara Persijilan Tahap Tunggal (*single-tier*) telah diperkenalkan dengan objektif memberi ruang kerjaya yang luas, memberi peluang keboleherjaan dan pendapatan tinggi serta menyokong pelaksanaan latihan secara fleksibel.

ii. Sehingga Januari 2014, sebanyak 1,902 Pusat Bertauliah telah ditauliahkan untuk menjalankan 5,653 program latihan kemahiran dan pelatih yang berjaya menamatkan program tersebut akan dipersijilkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Setakat ini, terdapat beberapa institusi di bawah Kementerian Sumber Manusia dan kementerian lain yang menjalankan program-program tahap tinggi antaranya *Japan Malaysia Technical Institute* (JMTI), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKBTN), Politeknik dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA.

iii. Sejumlah 1.2 juta sijil kemahiran yang merangkumi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 3, Diploma Kemahiran

Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) telah dianugerahkan kepada calon-calon yang berjaya menamatkan program-program latihan di Pusat Bertauliah JPK.

iv. JPK juga sentiasa mengalu-alukan permohonan institusi latihan kerajaan ataupun swasta untuk ditauliahkan sebagai Pusat Bertauliah JPK serta menjalankan latihan kemahiran berasaskan NOSS tahap tinggi.

#### b) Memperbanyakkan NOSS Tahap Tinggi

i. Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) ini merupakan standard yang menjadi penanda aras latihan di sesebuah institusi latihan bagi memastikan setiap pelatih yang tamat latihan mempunyai tahap kebolehkerjaan yang tinggi dalam bidang masing-masing. Justeru, Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran sentiasa giat membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) sehingga tahap tertinggi. Graduan daripada institusi kemahiran yang mengikuti program latihan berasaskan NOSS mempunyai pasaran kerja yang tinggi dalam bidang masing-masing disebabkan NOSS telah dibangunkan untuk memenuhi standard yang dikehendaki oleh industri. Sehingga Januari 2014, sebanyak 1,458 NOSS telah siap dibangunkan yang mana ia merangkumi NOSS SKM Tahap 1 hingga Tahap 5.

#### c) Jaminan Kualiti Program Kemahiran

i. Bagi menjamin kualiti program yang akan ditawarkan, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan

Kemahiran telah mewujudkan Kod Amalan Pentauliah Program Kemahiran (KAPPK). Ia digunakan sebagai panduan kepada Pusat Bertauliah di dalam membuat perancangan dan pelaksanaan sesebuah program latihan kemahiran.

ii. Selain itu, JPK juga melaksanakan Penarafan Bintang Pusat Bertauliah bagi memastikan kesemua Pusat Bertauliah menjalankan latihan kemahiran berasaskan standard dan kriteria kualiti yang ditetapkan.

iii. Dalam usaha untuk mencapai kualiti kemahiran pada peringkat antarabangsa, Jabatan Pembangunan Kemahiran juga telah mengadakan memorandum persefahaman dan menjalinkan kerjasama dengan badan-badan persijilan serta badan-badan industri dan professional antarabangsa. Antaranya ialah *City and Guilds (UK)*, *Scottish Qualification Agency (SQA)* dan *The Computing Technology Industry Association (CompTIA-USA)*, *London Chamber of Commerce & Industry (LCCI)* serta *TWI Training & Certification*.

Tuan Yang Di Pertua,

4. KSM melalui Jabatan Tenaga Manusia turut menjalankan pelbagai program teknikal melalui latihan vokasional. JTM menjalankan program latihan yang ditawarkan kepada rakyat melalui 32 Institusi latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) yang terdiri daripada 1 JMTI, 8 Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan 23 Institut Latihan Perindustrian (ILP).

5. ILJTM menjadi penjana pekerja mahir negara, menawarkan latihan kemahiran pra-pekerjaan kepada pelajar lepasan sekolah. Bidang latihan yang ditawarkan adalah merangkumi bidang-bidang kemahiran seperti Mekanikal dan Pengeluaran, Elektrikal dan Elektronik, ICT, Sivil dan Bangunan, Bukan Logam dan Percetakan. Latihan kemahiran yang diberikan adalah komprehensif secara sepenuh masa dan juga separuh masa dengan komposisi latihan melibatkan 70% amali dan 30% teori.

6. Pada tahun 2013, ILJTM telah mencapai sasaran dengan melahirkan seramai 6699 orang pelatih sepenuh masa. Manakala bagi latihan jangka pendek iaitu modular dan *customised*, ILJTM telah berjaya mencapai sasaran dengan melatih seramai 40,883 pekerja industri bagi meningkatkan kemahiran mereka.

7. JTM juga sedang dalam perancangan bagi meningkatkan jumlah pelatih di ILJTM. Antara cadangan yang dibuat adalah menjalankan latihan secara '*double shift*' bagi program latihan jangka panjang sedia ada mengikut kursus-kursus yang sesuai iaitu yang mendapat sambutan dan juga mempunyai tahap keboleherjaan yang tinggi seperti program '*profesional welding*' dan kursus-kursus jangka pendek. Disasarkan dengan adanya program '*double shift*' ini, seramai 296,117 tenaga mahir dikeluarkan menjelang tahun 2020.

Tuan Yang Di Pertua,

8. Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), dalam usahanya menyokong agenda Negara mewujudkan 50 peratus pekerja mahir menjelang tahun 2020, telah melaksanakan inisiatif-inisiatif khusus seperti pelaksanaan Skim Perantisan kepada golongan lepasan sekolah, Skim Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu - PPT (*Recognition of Prior Learning*) kepada pekerja-pekerja mahir syarikat swasta yang berdaftar serta menggalakkan para majikan melatih pekerja mereka dalam kursus-kursus berbentuk pembangunan.

9. Skim Perantisan PSMB adalah bertujuan untuk melatih lepasan PMR / SPM atau pelajar yang tercicir dengan kemahiran khusus bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir di sektor pembuatan dan perkhidmatan. Latihan di bawah skim ini adalah berasaskan *dual training system* yang mengambil masa antara 18 bulan hingga 30.4 bulan bergantung kepada jenis program (SKM Tahap 1 hingga Tahap 3).

10. Di bawah inisiatif Skim PPT pula, PSMB menawarkan bantuan kewangan kepada majikan berdaftar yang berminat untuk memberi pengiktirafan kepada para pekerja mereka yang berpengalaman dan berkemahiran untuk memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia yang dilihat memberi kesan yang baik kepada pekerja dan majikan.

11. Di samping inisiatif-inisiatif di atas, melalui skim-skim sedia ada, PSMB juga sentiasa menggalakkan majikan berdaftar menghantar para pekerja mereka mengikuti kursus-kursus yang berbentuk pembangunan. Melalui pendekatan ini, majikan boleh menghantar para pekerja mereka mengikuti kursus diperingkat Persijilan Profesional, Diploma, Ijazah (Degree), Sarjana (Masters) mahupun diperingkat Kedoktoran (PhD / DBA) dan menuntut kos-kos latihan yang dibenarkan melalui tabung Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM MENTERI  
KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM**  
**[ KOTA MELAKA ]**  
**TARIKH : 3 APRIL 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang kedudukan wabak denggi:-

- (a) jumlah kes yang disahkan dari Januari 2013 hingga 2014 mengikut setiap negeri dan berapa orang pesakit mati akibat daripada wabak ini; dan
- (b) adakah Kementerian menjalankan kajian atas berapa jenis rawatan tradisi yang terbukti berkesan seperti jus daun setawar.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Jumlah kes yang disahkan dari Januari 2013 hingga 2014 mengikut setiap negeri dan bilangan pesakit mati akibat daripada wabak denggi ini adalah:

<b>TAHUN</b>	<b>2013</b>		<b>2014</b>	
	<b>Kes</b>	<b>Kematian</b>	<b>Sehingga 23 Februari</b>	
<b>NEGERI</b>	<b>Kes</b>	<b>Kematian</b>	<b>Kes</b>	<b>Kematian</b>
PERLIS	226	1	40	0
KEDAH	813	1	142	1
PULAU PINANG	1,053	7	376	3
PERAK	2,519	4	1,133	3
SELANGOR	23,852	24	8,936	11
WP KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA	2,570	8	1,561	3
NEGERI SEMBILAN	1,198	1	1,066	1
MELAKA	1,505	9	592	1
JOHOR	4,828	24	1,064	5
PAHANG	725	2	201	0
TERENGGANU	600	0	180	0
KELANTAN	1,427	2	652	1
SARAWAK	1,292	4	201	0
SABAH	724	5	236	0
WP LABUAN	14	0	3	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>43,346</b>	<b>92</b>	<b>16,383</b>	<b>29</b>

## **Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) sememangnya telah dan sedang menjalankan kajian bagi mengawal penyakit denggi dan kajian berkenaan meliputi aspek kawalan vektor, rawatan dan pencegahan. Kajian rawatan denggi juga mengambil kira amalan dan kepercayaan tradisi yang telah dipraktis secara turun temurun bagi membuktikan kesahihan rawatan tradisi berkenaan. Melalui laporan testimoni, pelbagai jenis jus tumbuhan termasuklah daun betik dan daun setawar telah diberikan kepada pesakit dan dipercayai ia dapat merawat denggi.

Walau bagaimanapun, IMR belum lagi membuat kajian ke atas daun setawar dan kajian literatur yang dibuat juga menunjukkan tidak ada lagi penyelidik mengkaji potensi daun setawar bagi merawat denggi. Sebaliknya, ia diguna dalam perubatan tradisional untuk merawat anti-radang, penyejuk dan juga mengurangkan kebengkakkan dan kemungkinan menambah immuniti. Ia lebih digunakan bagi rawatan luaran dan bukan dimakan ataupun diminum. Sementara itu, perubatan ayurveda, dikatakan menggunakan pokok setawar dalam produk rawatannya.

Pilihan IMR memilih untuk memulakan kajian herba ke atas daun betik bagi penyakit denggi, antara lain ialah disebabkan daun betik memang sedia menjadi makanan ulam dan dengan itu ianya lebih menyakinkan selamat jika digunakan. Berlainan dengan daun setawar, ia tidak sedia menjadi makanan dan kita tidak pasti pengambilannya nanti selamat dan tidak menimbulkan kesan sampingan. Walau bagaimanapun, pihak IMR akan menyertakan daun setawar dalam kajian "drug discovery" bagi penyakit denggi yang sedang dijalankan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG

TARIKH: 3 APRIL 2014

SOALAN:

**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik terbaru mengenai pengangguran (unemployment) dan guna tenaga tak penuh (underemployment) orang muda mengikut pecahan negeri, umur, jantina dan pencapaian pendidikan serta langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menangani isu ini.

PR-1321-L60579

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut definisi Jabatan Perangkaan Malaysia, anak muda ditafsirkan sebagai golongan yang berumur di antara 15 hingga 24 tahun. Definisi ini adalah selaras dengan definisi yang diguna pakai oleh International Labour Organizations (ILO). Bilangan anak muda yang menganggur mengikut pecahan negeri, umur, jantina dan

pencapaian pendidikan bagi suku tahun keempat 2013 adalah seperti di **Jadual 1 hingga 3.**

### STATISTIK PENGANGGURAN

**Jadual 1: Bilangan Penganggur Anak Muda (15-24) Mengikut Negeri, Malaysia, 2013**

<b>Negeri</b>	<b>Q4/2013</b>
Johor	24,100
Kedah	14,600
Kelantan	14,800
Melaka	1,400
Negeri Sembilan	11,100
Pahang	11,400
Perak	17,100
Perlis	3,400
Pulau Pinang	9,200
Sabah	68,800
Sarawak	23,900
Selangor	38,700
Terengganu	12,500
W.P Kuala Lumpur	11,300
W.P Labuan	1,200
W.P Putrajaya	300
<b>Jumlah</b>	<b>263,800</b>

**Jadual 2: Bilangan Pengangguran Anak Muda (15-24) Mengikut Gender, Malaysia, 2013**

<b>Jantina</b>	<b>Q4/2013</b>
Lelaki	142,500
Perempuan	121,300
<b>Jumlah</b>	<b>263,800</b>

**Jadual 3: Bilangan Penganggur Anak Muda (15-24) Mengikut Tahap Pendidikan , Malaysia, 2013**

<b>Sijil tertinggi diperoleh</b>	<b>Q4/2013</b>
UPSR/UPSRA atau yang setaraf	21,000
PMR/SRP/LCE/SRA atau yang setaraf	21,800
SPM atau yang setaraf	118,600
STPM atau yang setaraf	14,000
Sijil	10,700
Diploma	37,200
Ijazah	21,300
Tiada sijil	8,300
Tidak berkenaan	10,900
<b>Jumlah</b>	<b>263,800</b>

Tuan Yang di-Pertua,

2. Mengikut definisi Jabatan Perangkaan Malaysia, guna tenaga tidak penuh ditafsirkan sebagai mereka yang sedang bekerja dan bekerja kurang dari 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan bentuk kerja mereka atau disebabkan kurang kerja dan berkeupayaan serta sanggup menerima beban kerja tambahan. Bilangan guna tenaga tak penuh orang muda mengikut pecahan negeri, umur, jantina dan pencapaian pendidikan bagi suku tahun keempat 2013 adalah seperti di **Jadual 4 hingga 6**.

## **STATISTIK GUNATENAGA TAK PENUH**

**Jadual 4: Bilangan Gunatenaga Tidak Penuh (15-24) Mengikut Negeri, Malaysia, 2013 (Q4)**

<b>Negeri</b>	<b>Q4/2013</b>
Johor	3,100
Kedah	11,700
Kelantan	7,600
Melaka	2,400
Negeri Sembilan	1,100
Pahang	10,100
Perak	3,800
Perlis	-
Pulau Pinang	4,100
Sabah	9,900
Sarawak	24,900
Selangor	2,700
Terengganu	5,700
W.P Kuala Lumpur	1,100
W.P Labuan	-
W.P Putrajaya	-
<b>Jumlah</b>	<b>88,200</b>

**Jadual 5: Bilangan Gunatenaga Tidak Penuh (15-24) Mengikut Gender, Malaysia, 2013 (Q4)**

<b>Jantina</b>	<b>Q4/2013</b>
Lelaki	45,900
Perempuan	42,300
<b>Jumlah</b>	<b>88,200</b>

**Jadual 6: Bilangan Gunatenaga Tidak Penuh (15-24) Mengikut Tahap Pendidikan , Malaysia, 2013 (Q4)**

<b>Sijil tertinggi diperoleh</b>	<b>Q4/2013</b>
UPSR/UPSRA atau yang setaraf	14,800
PMR/SRP/LCE/SRA atau yang setaraf	22,500
SPM atau yang setaraf	35,900
STPM atau yang setaraf	5,000
Sijil	2,300
Diploma	3,500
Ijazah	1,500
Tiada sijil	2,200
Tidak berkenaan	500
<b>Jumlah</b>	<b>88,200</b>

Tuan Yang di-Pertua,

3. Bagi menangani masalah pengangguran dan guna tenaga tak penuh di kalangan anak muda, Kerajaan melalui pelbagai Kementerian termasuk Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan kemahiran anak muda melalui program latihan kemahiran bagi meningkatkan kebolehpekerjaan mereka. Antaranya termasuk:

- (i) Memperluaskan akses untuk mendapat latihan dalam bidang kemahiran melalui penubuhan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Penubuhan ILKA secara umumnya bertujuan untuk memenuhi keperluan sektor perindustrian di Malaysia. Sehingga kini, terdapat 452 buah ILKA yang ditubuhkan di bawah beberapa kementerian/agensi di seluruh negara dengan

kapasiti 205,223 orang pelajar. Perincian ILKA dan kapasitinya adalah seperti jadual di bawah.

**Bilangan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) Di Seluruh Negara (kemas kini sehingga Februari 2014)**

<b>Bil</b>	<b>Kementerian</b>	<b>ILKA</b>	<b>Jumlah Institut</b>	<b>Kapasiti</b>
1	Kementerian Sumber Manusia (KSM)	Institut Latihan Perindustrian (ILP)	23	15,160
		Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC)	8	6,100
		Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI)	1	800
2	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)	Institut Kemahiran Mara (IKM)	13	13,002
		Kolej Kemahiran Tinggi Mara (IKTM)	10	10,376
		GiatMara	231	19,000
3	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)	20	15,640
4	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	Politeknik	32	88,980
		Kolej Komuniti	86	30,120
		Vokasional	14	925
5	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)	Institusi Pertanian	12	3,620
6	Kementerian Pertahanan (MINDEF)		1	1,200
7	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)		1(Khas untuk OKU)	300
	<b>Jumlah</b>		<b>452</b>	<b>205,223</b>

- (ii) Menyediakan kemudahan pinjaman melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) untuk lepasan sekolah dan pekerja bagi mengikuti dan meningkatkan kemahiran di institusi-institusi latihan kemahiran awam dan swasta;
- (iii) Meningkatkan kebolehpasaran pelatih sekaligus memberi peluang untuk memperoleh dua persijilan (*dual certification*) menerusi Program *Industrial Skills Enhancement* (INSEP); dan
- (iv) Mengukuhkan dan memperkasakan Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) melalui pelbagai program dan kerjasama seperti Program Strategik untuk Belia 1Malaysia (SAY1M) dan Belia Berwawasan bagi mengurangkan jurang (*mismatch*) latihan mengikut keperluan industri.

Kerajaan juga amat prihatin terhadap isu pengangguran di kalangan graduan. Dalam hubungan ini, Kerajaan menerusi pelbagai kementerian dan agensi telah melaksanakan inisiatif berikut;

- (i) **Program Accelerated Skills Enhancement Training (ASET)**  
Program *Accelerated Skills Enhancement Training* (ASET) bertujuan memberi peluang kepada graduan untuk meningkatkan kebolehpasaran.

**(ii) Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M)**

Program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan melalui latihan *soft-skills* dan *on-the-job-training* di syarikat-syarikat swasta dan *government-linked company* (GLC).

**(iii) Program Latihan Keusahawanan di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA)**

Program Latihan Keusahawanan memberi peluang kepada graduan yang berminat menceburkan diri dalam bidang keusahawanan memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran keusahawanan.

**(iv) Graduate Employability Management Scheme (GEMS)**

Program ini bertujuan untuk memperkasakan kebolehpekerjaan graduan dengan latihan kemahiran dan pengalaman menerusi latihan dan pendedahan industri.

**(v) Pelancaran Graduate Employability Blueprint (GEB) 2012-2017**

*Graduate Employability Blueprint* (GEB) memberi tumpuan untuk memperkukuh kebolehpasaran graduan serta memperincikan isu-isu kebolehdapatan kerja graduan termasuk siswazah.

**(vi) Penubuhan *Graduate Employability Taskforce* (GET)**

*Graduate Employability Taskforce* (GET) berperanan untuk memantau pelaksanaan Pelan Tindakan GEB. GET dibantu oleh empat Jawatankuasa Kerja iaitu Jawatankuasa Kerja Perancang Permintaan dan Penawaran Sektor Awam, Jawatankuasa Kerja Perancang Permintaan dan Penawaran Sektor Swasta, Jawatankuasa Kerja Penyelaras Program *Graduate Employability* dan Jawatankuasa Kerja Penilaian *Outcome* Intervensi Kebolehdapatan Kerja Graduan.

Bagi memudahkan golongan yang masih menganggur untuk mencari pekerjaan Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia turut melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

**(i) Portal Perkhidmatan Pekerjaan**

*JobsMalaysia* merupakan portal yang memberi kemudahan kepada pencari kerja termasuk graduan untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian melalui pendekatan pepadanan kerja.

**(ii) Program Penempatan Pekerjaan**

Ia merupakan satu program yang menemukan pencari kerja termasuk graduan dengan majikan secara langsung.

**(iii) Karnival Kerjaya (*job fair*)**

Penganjuran karnival pekerjaan dari semasa ke semasa bagi menemukan pencari kerja dan majikan yang sepadan melalui temuduga terbuka.

**(iv) Penubuhan Pusat Maklumat Kerjaya**

Ia berfungsi sebagai "*One Stop Centre*" bagi pencari kerja. Pusat ini berfungsi untuk memberi bimbingan kerjaya dan menyampaikan maklumat kepada semua pencari kerja (siswazah dan bukan siswazah);

**(v) Pusat Maklumat Kerjaya (CIC)**

Maklumat pekerjaan disebarkan dalam web Kementerian dan juga JobsMalaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pihak Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha untuk mengurangkan kadar pengangguran dan guna tenaga tak penuh menerusi pelbagai program yang telah dan akan dilaksanakan. Program-program ini akan membantu golongan orang muda untuk memperluaskan serta meningkatkan diri mereka dengan

pengetahuan dan kemahiran bagi meningkatkan kebolehpekerjaan mereka.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telah menetapkan sasaran 50% pekerja mahir daripada keseluruhan jumlah pekerja menjelang tahun 2020. Justeru, selain daripada kuantiti tenaga mahir yang akan dikeluarkan, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) turut menitikberatkan keberkesanan latihan serta keupayaan graduan latihan mendapat pekerjaan selepas tamat latihan. Antara langkah-langkah yang dipraktikkan adalah:

**i) Program Kemahiran Bersandar Kepada NOSS**

Program latihan yang ditawarkan oleh PB JPK ini adalah berdasarkan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang mana ianya dibangunkan oleh industri dengan kerjasama JPK. Justeru, graduan daripada Pusat bertauliah JPK mempunyai pasaran kerja yang tinggi dalam bidang masing-masing disebabkan standard yang digunapakai telah memenuhi piawaian mengikut bidang dan tahap kemahiran di industri.

**ii) Jaminan Kualiti**

Bagi menjamin kualiti program yang akan ditawarkan, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan

Pembangunan Kemahiran telah mewujudkan Kod Amalan Pentauliah Program Kemahiran (KAPPK). Ia digunakan sebagai panduan kepada Pusat Bertauliah di dalam membuat perancangan dan pelaksanaan sesebuah program latihan kemahiran. Dalam usaha untuk mencapai kualiti kemahiran pada peringkat antarabangsa, Jabatan Pembangunan Kemahiran juga telah mengadakan memorandum persefahaman dan menjalinkan kerjasama dengan badan-badan persijilan serta badan-badan industri dan professional antarabangsa. Antaranya ialah *City and Guilds (UK)*, *Scottish Qualification Agency (SQA)* dan *The Computing Technology Industry Association (CompTIA-USA)*, *London Chamber of Commerce & Industry (LCCI)* serta *TWI Training & Certification*.

### **iii) Penempatan Pekerjaan Sebagai Elemen Penarafan Bintang**

Selain itu juga, JPK amat menitikberatkan elemen penempatan pekerjaan untuk para lepasan graduan kemahiran. Melalui pelaksanaan Penarafan Bintang Pusat Bertauliah JPK yang dijalankan setiap dua tahun sekali, pihak JPK telah meletakkan kriteria penempatan pekerjaan sebagai salah satu kriteria utama di dalam penilaian yang dibuat. Sehubungan itu, secara tidak langsung PB JPK akan mendapatkan majikan yang sesuai bagi menempatkan graduan latihan yang telah tamat latihan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN**  
**[ KINABATANGAN ]**  
**TARIKH : 03.04.2014 (KHAMIS)**

**DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN [ KINABATANGAN ]** minta  
**MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN**  
**KEPENGUNAAN** menyatakan :-

- (a) Apakah tindakan penguatkuasaan harga barangan yang dilaksanakan terutama di kawasan luar bandar; dan
- (b) Berapakah perbelanjaan Kerajaan terhadap penggunaan minyak subsidi di negara ini.

## JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

a) Tindakan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan terhadap harga barangan di kawasan bandar dan luar bandar adalah seperti berikut:

- i) **Mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan menerusi Ops Harga 2014 dengan mempergiatkan pemeriksaan dan pemantauan yang rapi dan menyeluruh.** Di kawasan bandar dan luar bandar pemeriksaan ini akan diteruskan secara aktif dengan melibatkan agensi-agensi lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas aktiviti perniagaan untuk penguatkuasaan yang lebih berkesan dan bersepadu;
- ii) **Menguatkuasakan tindakan yang tegas melalui pengeluaran Notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara. Peniaga yang gagal atau enggan memberi penjelasan terhadap kenaikan tersebut atau gagal mengemukakan maklumat yang diarahkan boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta ini;
- iii) Melancarkan **Ops Tanda Harga** di bawah **Gerakan Pematuhan Tanda Harga**. Bermula **3 Mac 2014**, Ops ini digerakkan sebagai satu langkah bagi memastikan peniaga mematuhi undang-undang penandaan harga dan sedar akan tanggungjawab untuk meletakkan tanda harga pada barang yang dijual. Ops ini juga memberi mesej jelas kepada rakyat akan keseriusan Kerajaan

dalam melindungi kepentingan pengguna yang dikuatkuasakan melalui **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993**;

- iv) Meneruskan pelaksanaan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** sebagai satu kaedah untuk menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah semasa permintaan tinggi di musim perayaan;
- v) **Menjalankan pemantauan harga untuk mengesan kenaikan harga di pasaran** yang dilaksanakan di seluruh Negara. Pemantauan harga juga dilaksanakan di premis–premis perniagaan setiap hari, mingguan, bulanan bagi mengesan status harga barangan berkenaan di pasaran dan sebarang peningkatan harga yang mendadak disalurkan untuk disusuli dengan tindakan penguatkuasaan;
- vi) Mengadakan pelbagai program dan aktiviti jualan bagi menawarkan barangan keperluan pada harga murah dengan kerjasama *hypermarket* dan pasar raya untuk mengadakan **Kempen Penurunan Harga** dengan tujuan untuk memberi penjimatan kepada pengguna. Kempen Penurunan Harga melibatkan 957 cawangan pasar raya di seluruh negara dan penjimatan yang ditawarkan meliputi lebih 4000 jenis barang keperluan isi rumah; dan
- vii) **Mengadakan 'engagement'** dengan persatuan perniagaan, pengeluar, pembekal, pemborong dan pengimport untuk mendapat

maklum balas mengenai kedudukan harga dan bekalan barangan perlu di peringkat nasional dan negeri.

- b) Jumlah perbelanjaan subsidi petrol, diesel dan LPG bagi tahun 2013 ialah sebanyak RM23.5 bilion

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 03.04.2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang ditempatkan di agensi-agensi Kerajaan mengikut nama agensi khususnya Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia sebagai usaha mengekang rasuah di kalangan kakitangan Kerajaan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan sistem tadbir urus sektor awam yang terbaik dan budaya kerja berkualiti ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang. Usaha ini telah pun dilaksanakan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia yang melibatkan Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus di jabatan-jabatan Kerajaan.

Bagi memantapkan lagi perkhidmatan awam dan menentukan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti, Kerajaan telah melaksanakan satu lagi inisiatif baru dengan menubuhkan Unit-Unit Integriti di semua agensi awam peringkat Persekutuan dan Negeri, tertakluk kepada penerimaanya, sepertimana ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 yang berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2013.

Sehingga 6 Mac 2014, bilangan pegawai-pegawai SPRM yang ditempatkan di Kementerian-Kementerian dan agensi kerajaan ialah seramai 20 orang termasuklah agensi-agensi yang disebutkan di atas kecuali PDRM yang mempunyai Jabatan Integriti sendiri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM  
(BERUAS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 03.04.2014**

**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan berapakah jumlah wang yang akan diberikan kepada rakyat di bawah Skim Bantuan Rakyat Satu Malaysia (BR1M) bagi tahun 2014 dan berapakah jumlah yang diijamatkan oleh Kerajaan dalam tahun 2014 daripada penarikan/penurunan subsidi yang diberikan bagi tahun 2014 berbanding dengan subsidi yang diberikan dalam tahun 2013.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah meneruskan sekali lagi Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M 2014) pada tahun 2014 sebagai usaha untuk membantu meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah serta selaras dengan peralihan kepada dasar pelaksanaan subsidi bersasar. Pada BR1M 2014, beberapa kriteria telah ditambah baik merangkumi peningkatan nilai bantuan, pertambahan kategori dan juga pengenalan Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia (i-BR1M). Kriteria bagi program BR1M 2014 telah ditambah baik adalah seperti berikut:

- 1) bagi kategori isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah, nilai bantuan ditingkatkan daripada **RM500 kepada RM650**.
- 2) sebagai tambahan, kategori bantuan juga **diperluaskan** kepada isi rumah berpendapatan bulanan di antara **RM3,001 hingga RM4,000 dengan nilai bantuan RM450**.
- 3) memperkenalkan **caruman i-BR1M** bernilai RM50 **kepada** penerima **isi rumah** BR1M dengan nilai **perlindungan maksimum sehingga RM30,000** sekiranya berlaku **kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh**.

- i) Tempoh perlindungan i-BR1M adalah bermula dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014; dan
  - ii) Perlindungan takaful diberi kepada penerima isi rumah sahaja;
- 4) **warga emas sebatang kara** (berumur 60 tahun dan ke atas) menerima kenaikan jumlah BR1M iaitu daripada **RM500 kepada RM650** bagi yang berpendapatan dibawah RM3,000 dan turut menerima bantuan BR1M RM450 bagi yang berpendapatan antara RM3,001 hingga RM4,000.
- 5) bagi kategori **bujang** berumur 21 tahun dan ke atas berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah, bantuan ditingkatkan daripada **RM250 kepada RM300**.

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat tiga peringkat pelaksanaan BR1M iaitu peringkat pertama, pengedaran borang BR1M dan pendaftaran, peringkat kedua, proses semakan dan verifikasi serta peringkat ketiga, pengagihan BR1M. Pengedaran borang serta pendaftaran BR1M telah bermula pada 23 Disember 2013 hingga 31 Januari 2014. Penerima BR1M sedia ada tidak

perlu membuat pendaftaran baru tetapi hanya perlu mengemaskini maklumat peribadi sekiranya terdapat sebarang perubahan. Pendaftaran dan pengemaskinian boleh dibuat secara atas talian melalui laman web Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta boleh dibuat secara manual iaitu dengan mengisi borang di pejabat LHDN, pejabat daerah dan pejabat pembangunan negeri. Semua rakyat Malaysia layak untuk memohon bantuan BR1M walaupun mereka juga adalah penerima bantuan sedia ada seperti penerima bantuan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), e-Kasih dan juga masyarakat Orang Asli yang berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Proses semakan dan verifikasi permohonan dilakukan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bermula 1 Februari 2014. Proses verifikasi dilaksanakan secara menyeluruh dengan semakan bersama data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, LHDNM, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Kesemua proses verifikasi ini dilakukan bagi memastikan mereka yang benar-benar layak sahaja menerima bantuan BR1M 2014.

Pengagihan bantuan BR1M 2014 terbahagi kepada dua kaedah iaitu penyaluran terus ke akaun bank bagi yang mengemukakan maklumat bank manakala bagi yang tidak mengemukakan maklumat akaun bank, pengagihan dibuat secara serahan baucar di majlis penyampaian BR1M. Bagi yang mengemukakan maklumat bank, penyaluran terus ke akaun bank telah dibuat mulai 21 Februari 2014 dan selesai pada 25 Februari 2014. Pengagihan secara baucar pula bermula pada 23 Februari dan dibuat secara berperingkat.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2012, penerima BR1M 2012 adalah seramai 4.2 juta orang dengan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion, manakala penerima BR1M 2.0 adalah seramai 6.8 juta orang dengan peruntukan sebanyak RM3 bilion. Bagi tahun 2014, BR1M 2014 dijangka akan memanfaatkan hampir 7.9 juta penerima dengan anggaran peruntukan sebanyak RM4.5 bilion. Sehingga 3 Mac 2014, sebanyak 8.1 juta permohonan telah diterima di mana sebanyak 6 juta permohonan telah diluluskan melibatkan peruntukan sebanyak RM3 bilion manakala baki 2.1 juta permohonan

masih sedang diproses. Daripada jumlah yang diluluskan, seramai 3.8 juta adalah penerima isi rumah manakala baki 2.2 juta adalah penerima individu bujang.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM5.4 bilion untuk keseluruhan bantuan tunai merangkumi BR1M, Bantuan Persekolahan dan Baucar Buku 1Malaysia bagi tahun 2014. Manakala hasil daripada pengurangan subsidi bahan api sebanyak RM0.20 pada bulan Sept 2013 dan pengurangan subsidi gula sebanyak RM0.34 pada bulan Oktober 2013, Kerajaan dapat penjimatan sebanyak RM4.9 bilion pada tahun 2014. Kerajaan berupaya menyalurkan bantuan tunai melebihi anggaran penjimatan subsidi bahan api dan gula hasil daripada pengurusan kewangan yang baik dan dapat memastikan defisit fiskal terus berkurang.

Untuk makluman juga, pemberian BR1M adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah dan mengimbangi kenaikan harga barangan. Bantuan ini telah dapat

meringankan beban rakyat dalam membantu mereka membeli barangan keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain. Disamping itu, terdapat penerima yang menggunakan bantuan tersebut sebagai modal bagi menjalankan perniagaan kecil-kecilan bagi pembelian perkakasan seperti peralatan memasak, membuat kuih dan pertukangan yang secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Tuan Yang Dipertua,

Bantuan BR1M yang diberikan adalah secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Malah, mereka yang telah menerima bantuan kebajikan sedia ada juga di beri bantuan BR1M. Kejayaan program BR1M adalah hasil kekukuhan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATO' DR. TAN KEE KWONG**  
**KAWASAN : WANGSA MAJU**  
**TARIKH : 3 APRIL 2014, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. DATO' DR. TAN KEE KWONG (WANGSA MAJU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah jumlah pampasan yang dibayar kepada konsesi-konsesi tol. Nyatakan mengikut syarikat.

## JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membuat keputusan untuk menangguhkan kenaikan tol di 14 lebuh raya pada tahun 2014. Berikutan daripada itu, Kerajaan perlu membayar pampasan yang dianggarkan sebanyak RM400 juta. Pecahan bayaran adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Lebuhraya</b>	<b>Anggaran Pampasan Tahun 2014 (RM juta)</b>
1	E10: Lebuhraya Baru Pantai (NPE)	32
2	E35: Lebuhraya Shah Alam – Kuang (GCE)	23
3	E11: Lebuhraya Damansara – Puchong (LDP)	89
4	E12: Lebuhraya Bertingkat Ampang - Kuala Lumpur (AKLEH)	22
5	E18: Lebuhraya Lingkaran Kajang (SILK)	22
6	E21 Lebuhraya Kajang - Seremban (LEKAS)	13
7	E22: Lebuhraya Senai - Desaru (SDE)	9
8	E23: Lebuhraya Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT)	72

<b>Bil</b>	<b>Lebuhraya</b>	<b>Anggaran Pampasan Tahun 2014 (RM juta)</b>
9	E26: Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE)	5
10	E38: Terowong SMART	19
11	E33: Lebuhraya Duta - Ulu Kelang (DUKE)	25
12	E9: Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA)	27
13	E20: Lebuhraya Kuala Lumpur - Putrajaya (MEX)	30
14	E17: Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR)	12
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>400</b>

Bayaran pampasan ini dibuat berdasarkan kepada formula pengiraan pampasan yang telah ditetapkan di dalam perjanjian konsesi masing-masing. Jumlah sebenar akan ditentukan selepas proses verifikasi trafik yang dilaksanakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA,PENGGAL PERTAMA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS(2014)**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Datuk Joseph Salang anak Gandum**  
**[ Julau ]**

**TARIKH** : **3 April 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN** :

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [ Julau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam memastikan graduan kelas pertama di Universiti Awam diberi peluang untuk dilantik ke jawatan di sektor awam sebagai langkah menyerap graduan cemerlang dan menambahkan kualiti sektor awam.

**JAWAPAN** :

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha untuk mendapatkan bakat-bakat terbaik (*best talent*) untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam sebagai salah satu langkah meningkatkan kualiti perkhidmatannya. Sehingga Disember 2013, SPA telah melantik seramai 1,994 orang bakat terbaik yang terdiri daripada 1,970 orang calon pemegang ijazah dan diploma dengan

CGPA 3.50 ke atas atau Kelas Pertama, 1 orang calon lulusan universiti terkemuka dunia dan 23 orang calon yang mempunyai kelayakan Doktor Falsafah (PhD). Ini adalah usaha SPA untuk menyerap graduan cemerlang termasuk graduan dari universiti awam ke dalam sektor perkhidmatan awam agar graduan-graduan ini dapat memberi sumbangan dalam meningkatkan kualiti pentadbiran negara.

Walaupun bagaimanapun, perlu diingat bahawa pelantikan calon ke dalam perkhidmatan awam adalah bergantung kepada kesesuaian bidang, keperluan Kementerian/Jabatan dan kekosongan jawatan yang ada. Di samping itu, pelantikan graduan juga tertakluk kepada keputusan prestasi mereka semasa menduduki peperiksaan, penilaian kompetensi dan temu duga yang telah disyaratkan. Sebagai contoh, bagi pelantikan jawatan Pegawai Tadbir & Diplomatik, graduan wajib lulus peperiksaan, penilaian kompetensi dan temu duga sebelum boleh ditawarkan ke perkhidmatan awam bagi memastikan bahawa calon bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malah mempunyai kompetensi yang terbaik untuk melaksanakan tanggungjawab sekiranya dilantik sebagai penjawat awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIO LEUNG (ALOR SETAR)**

**TARIKH : 03.04.2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [ Alor Setar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran spesifik mengenai pelan *Chief Integrity Officers (CeIOs)* yang akan dilaksanakan di Kedah seperti diumumkan oleh Menteri, Datuk Paul Low dalam media pada 16 Februari 2014.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia melaksanakan Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) sebanyak 3 siri dalam setahun. Peserta perlu mengikuti semua 4 modul iaitu pengenalan integriti, penguatkuasaan undang-undang/ pekeliling/ peraturan dan arahan, pematuhan dan pemantauan serta pembeduan pelan integriti sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah sebelum boleh menerima pentauliah sebagai Pegawai Integriti Bertauliah.

Program Pegawai Integriti Bertauliah ini dirangka untuk melahirkan Pegawai Integriti Bertauliah yang berperanan untuk merancang, melaksana dan memantau keberkesanan program-program integriti di kementerian, jabatan dan agensi masing-masing. Ia juga untuk menggalakkan penyertaan pihak swasta terlibat sama dalam pelaksanaan Program Pegawai Integriti Bertauliah di organisasi masing-masing.

Pejabat Menteri sedang mengadakan perbincangan berterusan dengan kerajaan negeri Kedah untuk melaksanakan sistem Integriti bagi pentadbiran negeri. Sistem ini berdasarkan kepada Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) yang baru yang mana telah diluluskan oleh kabinet bulan ini. Untuk maklumat YB, JITU

adalah penyatuan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) dengan Jawatankuasa Tadbir Urus dan Integriti (G&I), dimana keduanya memainkan peranan utama untuk menerajui inisiatif integriti di kementerian dan agensi-agensi kerajaan, di peringkat persekutuan dan juga negeri.

Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) memainkan peranan penting didalam fungsi JITU. Sebagai urusetia, mereka bekerjasama rapat dengan Juruaudit Dalam dan mempunyai fungsi pelaporan lintas kepada KSU/SUK, Menteri dan jawatankuasa JITU peringkat kebangsaan.

Pejabat Menteri juga sedang bekerjasama dengan Unit Integriti Kedah untuk merancang pelaksanaan infrastruktur JITU di peringkat negeri. Adalah dijangkakan bahawa pada masa depan semua agensi dalam pentadbiran negeri Kedah akan mempunyai CeIO sendiri.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH NORMALA BINTI  
ABDUL SAMAD [ PASIR GUDANG ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [ PASIR GUDANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan memperhalusi hal berkaitan rakyat Malaysia yang telah lama berada di luar negara untuk mengundi semasa pilihan raya memandangkan mereka ini tiada dalam negara untuk jangka masa yang lama dan tidak mengetahui keadaan sebenar negara.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya yang diluluskan usul penubuhannya di Parlimen pada 3 Oktober 2011 telah mengemukakan 22 syor di dalam laporan akhirnya yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 3 April 2012. Salah satu daripada syor yang dikemukakan adalah supaya SPR memberi kemudahan kepada rakyat Malaysia di luar negara sama ada mengundi di Pejabat Perwakilan Malaysia yang berhampiran atau mengundi secara pos. SPR telah membenarkan warganegara Malaysia di luar negara untuk mengundi secara pos dengan syarat-syarat seperti berikut ;

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Pemilih berdaftar;
- (c) Tinggal di luar negara kecuali di Singapura, wilayah Selatan Thailand, Brunei dan Kalimantan Indonesia; dan
- (d) Pernah berada di Malaysia atau kembali ke Malaysia tidak kurang daripada 30 hari dalam tempoh 5 tahun sebelum pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri

Syarat yang mengehendaki Warganegara Malaysia yang berada di Malaysia atau kembali ke Malaysia tidak kurang daripada 30 hari dalam tempoh 5 tahun sebelum pembubaran parlimen atau mana-mana Dewan Undangan Negeri, adalah bertujuan untuk memastikan mereka

membuktikan bahawa mereka masih memberi komitmen kepada negara dan kawasan mengundi dengan berada di Malaysia atau balik ke Malaysia dalam tempoh tersebut.

Adalah tidak adil kepada warganegara Malaysia di luar negara sekiranya dinafikan hak untuk mengundi walaupun mereka ini berada di luar negara kerana mereka telah berdaftar dalam daftar pemilih.

Walau bagaimanapun SPR sentiasa mengkaji penambahbaikan untuk dilaksanakan pada masa hadapan bagi memastikan perjalanan pilihan raya di negara ini dijalankan dengan cekap, telus dan mendapat kepercayaan awam

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN**  
**[MASJID TANAH]**  
**TARIKH : 3 APRIL 2014**  
**SOALAN :**

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- a) statistik mengikut negeri jumlah yang terlibat kes denggi dan berapakah dari jumlah tersebut yang telah membawa maut; dan
- b) apakah perancangan serta program yang telah pihak kementerian aturkan bagi mengurangkan jumlah tersebut.

**Tuan Yang Dipertua,**

Jumlah kes dan kematian denggi dari tahun 2008 hingga 2014 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH KEMATIAN</b>
2008	<b>49,335 kes</b>	<b>112 kematian</b>
2009	<b>41,486 kes</b>	<b>88 kematian</b>
2010	<b>46,171 kes</b>	<b>134 kematian</b>
2011	<b>19,884 kes</b>	<b>36 kematian</b>
2012	<b>21,900 kes</b>	<b>35 kematian</b>
2013	<b>43,346 kes</b>	<b>92 kematian</b>
2014	<b>16,383 kes</b> (sehingga 23 Februari)	<b>29 kematian</b> (sehingga 23 Februari)

Pecahan kes dan kematian denggi mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1**.

Peningkatan kes denggi yang berlaku merupakan fenomena global yang turut dialami oleh Malaysia. Peningkatan ini juga disebabkan oleh beberapa faktor lain iaitu:

1. Perubahan serotype virus denggi (*serotype shift*), di mana dari akhir tahun 2012 hingga Februari 2013, *serotype virus* yang dominan di Malaysia adalah DEN 4 tetapi pada bulan Mac 2013 ia bertukar kepada DEN 2. Perubahan *serotype* ini boleh menyebabkan kes atau kematian meningkat. Serotype DEN 2 juga boleh menyebabkan manifestasi klinikal yang lebih teruk dan

menyebabkan risiko komplikasi yang lebih tinggi sehingga menyebabkan kematian.

2. Kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan bandar menyebabkan penularan jangkitan lebih mudah dan pembangunan yang pesat memberi kesan kepada peningkatan tempat-tempat pembiakan Aedes.
3. Pergerakan penduduk yang lebih meluas melalui pengangkutan moden turut meningkatkan penyebaran virus denggi ke kawasan yang tiada kes sebelumnya dan ke tempat-tempat lain.
4. Kurangnya kesedaran masyarakat dalam menjaga kebersihan persekitaran mereka. Malah ada di kalangan orang ramai yang masih membuang sampah secara tidak berhemah. Ini akan menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes.
5. Faktor cuaca terutama pada waktu hujan menyebabkan bekas-bekas boleh menakung air dan meningkatkan pembiakan Aedes
6. Kurangnya amalan masyarakat melakukan aktiviti “cari dan musnahkan” tempat pembiakan Aedes seminggu sekali di kediaman atau persekitaran mereka.
7. Pengurusan sampah domestik dan pukal yang tidak dilaksanakan dengan baik serta tempat pengumpulan sampah tidak terurus turut menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes.

8. Terdapat tempat pembuangan sampah haram dan tidak diuruskan dengan sempurna. Ini juga menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes.
9. Terdapat struktur-struktur bangunan yang dibina, menyumbang kepada terjadi tempat pembiakan Aedes terutama di Selangor dan Kuala Lumpur.

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KKM telah memperuntukan sebanyak RM3 juta untuk aktiviti pendidikan kesihatan bagi pencegahan denggi.

Langkah-langkah kawalan dan pencegahan denggi yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan adalah melalui pemantauan kes-kes yang dilaporkan secara harian di seluruh negara; melaksanakan aktiviti kawalan secara berkesan keatas setiap kes yang dilaporkan; mempertingkatkan aktiviti pencegahan terutama di kawasan yang berisiko tinggi; dan meningkatkan penglibatan masyarakat di dalam aktiviti pencegahan denggi. Kementerian Kesihatan juga telah melaksanakan program-program baru untuk menghalang denggi dari terus meningkat. Berikut adalah tindakan yang telah dilaksanakan iaitu:

1. Melaksanakan "Ops Gempur Aedes" iaitu operasi penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 yang dijalankan pada setiap bulan bermula pada 8 Julai 2013.

2. Melaksanakan kempen Program Ayuh Gempur Aedes Perdana yang dilancarkan pada 5 Januari 2014, oleh YB. Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia.
3. Mengadakan Dengue Walk About di lokaliti hotspot denggi yang disertai oleh YB. Menteri Kesihatan Malaysia.
4. Melaksanakan kempen “Jom Hapus Tempat Pembiakan Aedes” di 10 lokaliti hotspot denggi pada 2 Mac 2014 yang diketuai oleh YB. Menteri Kesihatan Malaysia.
5. Mengadakan Mesyuarat Mingguan Wabak Denggi yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.
6. Melaksanakan halatuju baru program kawalan dan pencegahan denggi Kebangsaan yang mengutamakan penghapusan tempat-tempat pembiakan Aedes.
7. Melaksanakan kaedah kawalan denggi yang baru menerusi kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) iaitu semburan ruang menggunakan kawalan biologi *Bacillus thuringiensis israelensis* (Bti), semburan ruang menggunakan temephos (pembunuh jentik-jentik) dan menggunakan perangkap nyamuk Autocidal Ovitrap.
8. Memastikan bekalan temephos untuk orang awam mudah diperolehi dengan kerjasama daripada syarikat pengeluar.

9. Menambah bilangan Klinik Kesihatan yang memberi perkhidmatan Extended Hour kepada 72 Klinik Kesihatan di seluruh negara.
10. Memastikan semua hospital mempunyai katil yang cukup untuk menampung peningkatan kemasukkan kes denggi di hospital.
11. Mempertingkatkan penyaluran maklumat denggi kepada orang ramai iaitu melalui kenyataan akhbar mingguan, laman web KKM, laman web iDenggi dan Facebook CPRC KKM.
12. Menjalankan promosi kesihatan tentang denggi di media masa perdana dan media sosial.

Jadual 1: Bilangan Kes Dan Kematian Denggi Mengikut Negeri Bagi Tahun 2008 -2014 (Sehingga 23 Februari)

TAHUN	2008		2009		2010		2011		2012		2013		2014 Sehingga 23 Februari	
	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
PERLIS	184	0	191	0	215	0	110	0	172	1	226	1	40	0
KEDAH	1,678	0	750	0	782	3	514	0	817	4	813	1	142	1
PULAU PINANG	2,324	1	2,444	1	1,834	7	1,579	3	791	1	1,053	7	376	3
PERAK	4,219	9	2,734	3	2,288	6	1,411	2	1,716	5	2,519	4	1,133	3
SELANGOR	21,262	46	18,676	48	16,367	45	7,758	14	9,113	12	23,852	24	8,936	11
WP KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA	5,446	13	3,746	9	4,205	6	2,038	2	1,814	5	2,570	8	1,561	3
NEGERI SEMBILAN	1,405	3	1,057	6	1,501	7	737	3	552	2	1,198	1	1,066	1
MELAKA	830	2	769	5	1,485	12	450	0	449	0	1,505	9	592	1
JOHOR	3,908	17	2,528	3	4,406	12	1,583	7	1,650	1	4,828	24	1,064	5
PAHANG	1,327	1	907	2	1,688	5	894	1	641	1	725	2	201	0
TERENGGANU	1,721	5	968	0	1,472	3	675	1	739	0	600	0	180	0
KELANTAN	2,399	10	1,031	1	3,578	11	743	1	1,245	0	1,427	2	652	1
SARAWAK	1,517	0	4,490	7	4,240	14	974	0	1,519	1	1,292	4	201	0
SABAH	1,045	2	1,170	3	2,091	3	402	2	672	2	724	5	236	0
WP LABUAN	70	3	25	0	19	0	16	0	10	0	14	0	3	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>49,335</b>	<b>112</b>	<b>41,486</b>	<b>88</b>	<b>46,171</b>	<b>134</b>	<b>19,884</b>	<b>36</b>	<b>21,900</b>	<b>35</b>	<b>43,346</b>	<b>92</b>	<b>16,383</b>	<b>29</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH  
[ SANDAKAN ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 65**

*Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]* minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah *Standard Operation Procedure* pihak berkuasa dan syarikat penerbangan untuk mengendalikan sebarang kemalangan udara dan membuat pampasan, seperti yang berlaku di Kudat pada 10 Oktober 2013. Apakah keadaan, jenis dan tahun perkhidmatan kapal-kapal terbang MASWings.

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Proseduryang  
digunapakai oleh Kementerian dan syarikat penerbangan di  
dalam mengendalikan siasatankemalangan udara adalah seperti  
yang termaktub di dalam Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam  
1996, Part XII dan *Annex 13: Aircraft Accident and Incident  
Investigation* di bawah *International Civil Aviation Organization*  
(ICAO).

Syarikat-

syarikat penerbangan bertanggungjawab membayar pampasan sekiranya  
berlakukemalangan yang menyebabkan kematian,  
kecederaan dan kerosakan bangunan dan sebagainya.

- b) Keadaan, jenis dan tahun perkhidmatan kapal-  
kapal terbang MAS Wings adalah seperti berikut:

<b>No.</b>	<b>Aircraft Type</b>	<b>Unit</b>	<b>Years in service</b>	<b>Remarks</b>
1	DHC6-310	2	31 years	Serviceable
2	DHC6-400	3	6 months	Serviceable
3	ATR72-212A	10	4 to 6 years	Serviceable
4	ATR72-600	1	1 year	Serviceable

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY**  
**[ KAPAR ]**  
**TARIKH : 3 APRIL 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- a) apakah perkembangan dan status terkini mengenai pembinaan hospital di Parlimen Kapar; dan
- b) apakah pelan alternatif untuk menampung keperluan perubatan dan kesihatan bagi rakyat Kapar semasa proses penambahbaikan Klinik Kesihatan Kapar Baru yang akan menggantikan Klinik Kesihatan Lama di bawah RP3, RMK-10

## **Tuan Yang di-Pertua**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada masa ini sedang dalam proses pemilihan tapak yang sesuai bagi pembinaan Hospital di kawasan Parlimen Kapar. Bagi tujuan tersebut, dua (2) tapak telah dikenal pasti untuk cadangan pembinaan Hospital di kawasan Parlimen Kapar iaitu tapak milik Sime Darby di Kapar dan tapak milik Permodalan Negeri Selangor Berhad di Ijok. Pada dasarnya KKM bersetuju dengan tapak cadangan di Kapar berbanding tapak di Ijok. KKM akan membuat permohonan tapak ini apabila tapak tersebut diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Permohonan peruntukan untuk projek ini daripada Unit Perancang Ekonomi akan dipohon apabila tapak projek berkenaan diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

## **Tuan Yang di-Pertua**

Semasa proses pembinaan Klinik Kesihatan Kapar yang baru, operasi klinik tersebut akan dipindahkan ke Klinik Desa dan Klinik Kesihatan berhampiran. Operasi Unit Kesihatan Ibu dan Anak akan dipindahkan ke Klinik Desa sementara dan Operasi Unit Jabatan Pesakit Luar dan Pergigian akan dipindahkan ke Klinik Kesihatan Meru. Bagi memastikan kemudahan-kemudahan tersebut dapat menampung beban operasi kesihatan di Kapar, maka klinik-klinik berkenaan akan ditambah baik dan dinaik taraf.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Dato' Sri Liow Tiong Lai [ Bentong ]**  
**TARIKH** : **3.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Sri Liow Tiong Lai [ Bentong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah guru yang telah menamatkan pengajian mereka di Maktab Perguruan tetapi masih belum mendapat "*posting*" ke sekolah-sekolah Kerajaan dan kenapa terdapat kekurangan guru yang ketara di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seramai 6,071 graduan Institusi Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) keluaran tahun 2013 yang telah lulus pengajian dan diperaku untuk dilantik tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) telah ditempatkan secara berperingkat-peringkat mulai Januari hingga 1 April 2014. Untuk makluman, daripada jumlah tersebut, sejumlah 1965 telah ditempatkan pada bulan Januari dan Februari, manakala 4106 ditempatkan pada 1 April 2014. Walau bagaimanapun, terdapat 74 graduan yang tidak ditawarkan penempatan kerana gagal temu duga dan tidak diperaku lantikan tetap oleh SPP.

Berdasarkan Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) Bilangan 2 Tahun 2013, mereka yang gagal temu duga dibenarkan memohon semula

selepas enam (6) bulan dari tarikh keputusan temu duga dikeluarkan melalui Portal JobsMalaysia dan perlu bersaing secara kompetitif dengan graduan keluaran semasa untuk mengisi kekosongan jawatan yang terhad.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa statistik kekurangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) secara keseluruhan di peringkat KPM berdasarkan data sehingga 17 Februari 2014 adalah seramai 849 orang guru. Masalah kekurangan guru di SJKC berlaku di atas faktor syarat tambahan yang ditetapkan oleh Kesatuan Lembaga Pengelola Sekolah iaitu guru-guru yang ditempatkan ke SJKC mesti lulus Bahasa Cina pada peringkat SPM untuk membenarkan mereka mengajar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA [SUBANG]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**YB TUAN R. SIVARASA [SUBANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan tentang kegagalan program PR1MA mencapai sasarannya bagi membina 80,000 buah rumah pada tahun 2013, malahan setakat ini hanya meluluskan pembinaan 44,270 buah rumah sahaja, biarpun dengan peruntukan mencecah beratus-ratus juta.

**JAWAPAN: YB DATO'SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Jaminan Kerajaan untuk menyediakan 500,000 rumah untuk golongan sasaran PR1MA telah pun bermula. Pada peringkat awal, di dalam menyiapkan sesebuah pembangunan, PR1MA masih perlu melalui beberapa proses sediada. Setakat ini Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 80,494 unit dalam jangkamasa kurang dari setahun. Projek-projek tersebut merupakan kerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri dan juga pemaju swasta yang merangkumi pelbagai fasa. Kelulusan yang telah diberikan Anggota Perbadanan PR1MA adalah kelulusan secara dasar yang menilai lokasi cadangan pembangunan, kemudahan sediada serta akan datang, sosio-ekonomi setempat, nilai hartanah, nilai perumahan kawasan setempat dan analisa kemampuan golongan sasaran kawasan setempat cadangan pembangunan. Sebelum memuktamadkan harga rumah, sesetengah projek masih perlu melalui proses perbincangan dan rundingan mengenai harga dan kontrak bagi memastikan harga rumah yang ditawarkan adalah mampu dimiliki. Sesetengah projek yang lain pula sedang memperoleh kelulusan dari pihak berkuasa tempatan di mana jangkamasa kelulusan tersebut adalah tertakluk kepada pihak berkuasa tempatan yang berkaitan.

Alhamdulillah, PR1MA di dalam usia mudanya telah berjaya mendapat kelulusan dari Anggota Perbadanan PR1MA melebihi 80,000 unit rumah untuk dibangunkan di seluruh negara seperti yang

telah dimandatkan Kerajaan melalui Bajet 2013. PR1MA akan melancarkan pembangunan-pembangunan tersebut dalam masa terdekat.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN**  
**(INDERA MAHKOTA)**  
**TARIKH** : **03.04.2014 (KHAMIS)**  
**NO. SOALAN** : **69**

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah Kementerian bersedia memberi kemudahan kredit bagi peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan kecil dan sederhana memandangkan masih ramai peniaga dan usahawan merungut kesukaran mendapatkan kemudahan kredit dari bank-bank tempatan. Apakah perancangan Kementerian untuk membantu peniaga dan usahawan kecil dalam membantu merancakkan lagi ekonomi negara, sekali gus membantu menambah pendapatan keluarga.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan kredit khusus bagi peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Secara keseluruhan bagi tahun 2013, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM17.7 bilion yang meliputi 61 skim pembiayaan kemudahan kredit bagi menampung permintaan daripada peniaga-peniaga PKS.

Skim-skim khusus ini disalurkan melalui pelbagai agensi Kerajaan dan institusi kewangan. Di antara skim pembiayaan yang disalurkan secara berterusan melalui institusi kewangan Kerajaan adalah seperti berikut:

- i. Lima (5) dana khas Bank Negara Malaysia untuk PKS, dengan kadar faedah di antara 3.75% hingga 6% setahun. Dana-dana tersebut adalah :
  - a. Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2);
  - b. Tabung Usahawan Baru 2 (TUB2);
  - c. Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana;
  - d. Tabung Projek Usahawan Bumiputera; dan
  - e. Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan.

Pada akhir 2013, lebih daripada 58,000 PKS telah mendapat manfaat daripada dana-dana ini dengan pembiayaan yang diluluskan berjumlah RM24.3 bilion; dan

- ii. Skim *Pembiayaan Mikro*, di mana usahawan-usahawan mikro yang berdaya maju boleh mendapatkan pembiayaan tanpa cagaran sehingga RM50,000 untuk membiayai perniagaan mereka. Pada akhir 2013, lebih daripada 151,000 syarikat telah mendapat akses kepada Skim Pembiayaan Mikro dari sepuluh institusi kewangan dengan pembiayaan yang diluluskan berjumlah RM2.4 bilion.

Bagi PKS yang berhadapan dengan masalah tidak mempunyai cagaran, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) sentiasa membantu PKS untuk mendapatkan akses kepada pembiayaan

daripada institusi kewangan melalui khidmat jaminan kredit. Semenjak penubuhannya, CGC telah membantu hampir 420,000 PKS mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan terus menyokong usaha membangunkan usahawan sebagai salah satu sumber utama bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara dan secara tidak langsung usaha-usaha ini dapat menambah pendapatan keluarga. Bagi tahun 2014 sahaja, melalui Bajet 2014, Kerajaan telah menyediakan kemudahan-kemudahan kredit kepada peniaga dan PKS seperti berikut:-

- Penyediaan pembiayaan mikro sebanyak RM300 juta kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan sebanyak RM700 juta kepada Yayasan TEKUN Nasional (TEKUN);
- Pembiayaan di bawah Tabung Usahawan Siswazah yang dikendalikan oleh SME Bank berjumlah RM50 juta;
- Mewujudkan Skim Usahawan Pasar Malam di bawah kendalian Bank Simpanan Nasional berjumlah RM100 juta; dan
- Penubuhan Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia atau (MaGIC) sebagai pusat sehenti yang antara lain menyediakan pusat inkubator, prasarana pembiayaan dan latihan untuk usahawan dengan peruntukan berjumlah RM50 juta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN MASIR KUJAT [ SRI AMAN – BN ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN (NO. 70)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai program menggalakkan penggunaan gelanggang futsal di kalangan muda mudi dan juga murid-murid sekolah di kawasan pedalaman Sri Aman. Adakah Kementerian telah bersedia untuk mengagihkan dana bagi menyelenggarakan gelanggang futsal yang sedia ada di Parlimen Sri Aman.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa menggalakkan masyarakat terutamanya anak muda untuk sentiasa bergiat aktif dalam sukan sebagai contoh permainan futsal yang semakin mendapat tempat di kalangan anak muda pada masa kini. Melalui Kajian Separuh Penggal Pelan Strategik KBS 2010-2015, Kementerian telah mengadakan program khusus untuk peminat-peminat futsal iaitu Kejohanan Futsal 1 Malaysia yang dilaksanakan di 222 buah kawasan Parlimen seluruh negara. Program ini telah berjaya menarik minat penggiat sukan futsal seramai 80,000 orang termasuk dari Parlimen Sri Aman. Selain itu, Program Liga Sukan Untuk Semua (LSUS) berjaya mencapai penyertaan seramai 64,054 orang. Program ini mempertandingkan 3 acara sukan iaitu futsal, bola jaring dan sepak takraw. Pada tahun ini, Kejohanan Futsal 1 Malaysia diteruskan di peringkat daerah.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Gelanggang Futsal yang telah dibina oleh Kementerian Belia dan Sukan telah diserahkan kepada persatuan-persatuan tempatan untuk diurus dan diselenggara menggunakan hasil kutipan penggunaan gelanggang terbabit.
3. Pihak Kementerian sememangnya ingin membantu dari segi penyelenggaraan bagi gelanggang yang memerlukan di mana peruntukan untuk penyelenggaraan gelanggang futsal seluruh

**SULIT**

Malaysia telah dipohon melalui Unit Perancang Ekonomi (EPU) namun sehingga kini masih tidak diluluskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING  
(SERDANG)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 03.04.2014**

**Y.B. DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan jumlah yang telah dibelanjakan untuk mempromosikan GST melalui iklan pada tahun 2013 dan yang akan dibelanjakan pada tahun 2014.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Program kesedaran dan latihan GST telah dijalankan semenjak tahun 2010 kepada tiga golongan sasaran iaitu pengguna, peniaga dan jabatan Kerajaan. Program penerangan GST kepada pelajar-pelajar sekolah, IPTA

dan IPTS serta penduduk kampung juga turut dilaksanakan. Sehingga 28 Februari 2014, sebanyak 4,967 program telah dijalankan dan dihadiri oleh 271,288 orang.

Bagi golongan peniaga yang merupakan kumpulan kritikal dalam pelaksanaan GST, Kerajaan telah merangka dan sedang menjalankan program-program taklimat dan latihan melalui tiga kaedah iaitu samada dianjurkan sendiri oleh pihak Kerajaan atau pihak swasta ataupun secara bersama oleh Kerajaan dan pihak swasta.

Bagi aktiviti publisiti, pelbagai saluran media telah dijalankan seperti di akhbar arus perdana, televisyen, radio dan billboard serta melalui media sosial seperti blogspot, laman web, twitter dan facebook.

Tuan Yang DiPertua,

Perbelanjaan yang telah dan akan dilakukan oleh Kerajaan termasuk :

- i. RM98 juta bagi sistem perkomputeran GST yang telah siap dibangunkan oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (tahun 2013/2014);
- ii. RM150 juta penyediaan perisian perakaunan bersubsidi kepada PKS yang sedang diuruskan oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (RM125 juta : 2014; RM25 juta : 2015). Perisian ini akan dikendalikan oleh 55 syarikat yang dipilih oleh Jabatan Kastam Di Raja Malaysia;
- iii. RM100 juta bagi geran latihan kepada peniaga yang diuruskan oleh Kementerian Kewangan (RM50 juta : 2013; RM50 juta : 2014); dan
- iv. RM17 juta bagi program publisiti melalui pelbagai saluran media seperti di akhbar arus perdana, televisyen, radio, dan billboard serta melalui media sosial iaitublogspot, laman web, twitter dan Facebook yang diuruskan oleh Kementerian Kewangan (2012-2014).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6595**

**SOALAN:**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) usaha yang dibuat untuk menghantar balik Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang terperangkap di Malaysia memandangkan Kerajaan perlu menanggung RM500 ribu sehari bagi menjaga kebajikan lebih 6,500 PATI yang terperangkap di negara ini; dan
- (b) jenis kebajikan yang ditawarkan kepada PATI secara terperinci, sehingga membelanjakan lebih kurang RM75 untuk seorang PATI secara purata.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian sentiasa berusaha untuk memaksimumkan jumlah penghantaran PATI yang ditahan di depot-depot tahanan dan lokap dalam negara. Antara usaha yang dijalankan termasuk mengadakan rundingan dan kerjasama dengan pejabat kedutaan dan perwakilan agar mempercepatkan dokumentasi perjalanan warganegara masing-masing.**

**Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan perbelanjaan PATI sebanyak RM75.00 sehari adalah secara purata sehari bagi seorang tahanan warga asing di semua depot tahanan di seluruh negara. Anggaran tersebut berdasarkan kos langsung dan tidak langsung termasuk kos makanan, kemudahan utiliti, kos penjagaan kesihatan dan kawalan keselamatan yang ditanggung oleh Kerajaan.**

**NO. SOALAN: 73**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6702**

**SOALAN:**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan untuk laporan polis Teluk Intan Report No. Langkap/000154/14.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Berkaitan Langkap Report: 000154/14, pihak polis telah klasifikasikan kes berkenaan sebagai kes orang hilang. Pihak polis masih lagi berusaha untuk mengesan remaja tersebut, sehingga kini usaha mengesan masih belum menampakkan kejayaan. Maklumat mengenai kehilangan remaja tersebut telah disalurkan kepada Bilik Gerakan, MPV, anggota Bit dan anggota cegah jenayah di seluruh negara.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Tuan Anyi Ngau [ Baram ]**  
**TARIKH** : **3.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Anyi Ngau [ Baram ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan kes keciciran pelajar di sekolah rendah dan menengah di Baram dan apakah usaha serta insentif kementerian untuk menggalakkan pelajar-pelajar di pedalaman untuk meneruskan persekolahan mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pada tahun 2013 sebanyak 85 kes keciciran pelajar di sekolah rendah dan 50 kes keciciran di sekolah menengah dikesan di Daerah Baram. Faktor keciciran adalah pelbagai termasuklah tidak berminat bersekolah, kurang sokongan ibu bapa dan juga ada yang berkahwin. Walau bagaimanapun, seramai 32 murid tercicir sekolah menengah telah memohon memasuki sekolah semula.

Pelbagai insentif telah diberikan oleh Kerajaan untuk menggalakkan murid-murid pedalaman meneruskan persekolahan mereka. Antaranya ialah menyediakan:

- a. Bantuan Makanan Asrama di sekolah asrama harian.
- b. Bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT).
- c. Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM).

- d. Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia.
- e. Baucar Buku 1Malaysia.
- f. Insentif berupa Jacket Keselamatan bagi murid-murid yang menggunakan pengangkutan air.
- g. Setiap murid dilindungi oleh Skim Takaful Pelajar Sekolah Malaysia

Majoriti keciciran berlaku dalam kalangan murid Penan. Antara usaha-usaha serta inisiatif Kementerian menggalakkan murid di pedalaman untuk meneruskan persekolahan mereka ialah seperti berikut :-

- a. Pelaksanaan Program Sekolah Model Khas Komprehensif (K9.)
- b. Program *Outreach* untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang kepentingan pendidikan.
- c. Kurikulum Bersepadu Sekolah Murid Orang Asli dan Penan (KAP).
- d. Program Kelas Dewasa Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Pribumi (KEDAP).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
(JASIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 03.04.2014**

**Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [ JASIN ]** minta **MENTERI**

**KEWANGAN** menyatakan dan mengesahkan status MyEG yang dilaporkan mendapat kontrak menyediakan perisian bagi sistem GST adalah sebuah syarikat milik rakyat Malaysia tetapi diuruskan oleh rakyat Singapura serta risiko kebocoran rahsia/maklumat kritikal negara kita.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, Pembangunan Sistem MyGST sebenarnya telah dilaksanakan oleh Syarikat Brilliance Information Sdn Bhd yang merupakan sebuah Syarikat Bumipetera yang dimiliki dan

diuruskan oleh rakyat Malaysia sepenuhnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ LEMBAH PANTAI ] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki sistem dakwat kekal semenjak Pilihan Raya Umum ke-13; dan
- (b) perlindungan yang diberikan kepada Mejar Zaidi Ahmad dalam menjalankan tugas kewarganegaraan beliau dalam PRU lepas.

**JAWAPAN:YB DATO' SERI DR.SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR telah memperkenalkan penggunaan dakwat kekal buat kali pertama dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU Ke-13) yang lalu dan ia sejajar dengan keputusan Dewan Rakyat yang telah meluluskan syor-syor Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya pada 19 April 2012.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memperbaiki penggunaan dakwat kekal termasuklah cara penggunaan dan kaedah calitan dakwat kekal dalam semua Pilihan Raya Kecil (PRK) selepas PRU Ke-13 yang lalu. Ini dapat dibuktikan semasa PRK N.01 Kuala Besut di Terengganu, N.20 Sungai Limau di Kedah, N.25 Kajang di Selangor dan N.51 Balingian di Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mej Zaidi Ahmad mempunyai hak sebagaimana warganegara Malaysia yang lain. Namun begitu beliau selaku pegawai bertauliah dalam ATM adalah juga tertakluk kepada arahan-arahan dan peraturan-peraturan ATM yang berkuatkuasa dalam melaksanakan hak berkenaan.

Sekian. Terima kasih.